


Jilid I
Bil. 7



MALAYSIA

Hari Khamis
14hb November, 1974

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 541]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 549]

USUL-USUL:

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1974 [Ruangan 550]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16), 1974 [Ruangan 551]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7), 1974 [Ruangan 552]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1974 [Ruangan 555]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1974 [Ruangan 556]

Akta Eksais, 1961—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4), 1974 [Ruangan 553]

Ordinan Eksais, Sabah No. 18 Tahun 1959—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4), 1974 [Ruangan 554]

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1974 [Ruangan 554]

Ordinan Eksais, Sarawak—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1974 [Ruangan 554]

Ordinan Eksais Sarawak (Cap. 27)—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 6), 1974 [Ruangan 558]

KANDUNGANNYA—(Sambungan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1974) [Ruangan 559]

Jawatankuasa—

Jadual—

Kepala B. 2, B. 6 dan B. 7 [Ruangan 572]

Kepala B. 16 [Ruangan 575]

Kepala B. 17 dan B. 18 [Ruangan 578]

Kepala B. 22 [Ruangan 580]

Kepala B. 23, B. 24, B. 25 dan B. 26 [Ruangan 580]

Kepala B. 30 [Ruangan 581]

Kepala B. 37 [Ruangan 582]

Kepala B. 49 [Ruangan 582]

Kepala B. 50 [Ruangan 585]

Kepala B. 59 [Ruangan 610]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1974 [Ruangan 560]

Jawatankuasa—

Kepala P. 7 [Ruangan 572]

Kepala P. 14 [Ruangan 573]

Kepala P. 15 [Ruangan 574]

Kepala P. 23 dan P. 26 [Ruangan 580]

Kepala P. 31 [Ruangan 581]

Kepala P. 44 [Ruangan 582]

Kepala P. 50 [Ruangan 585]

DICETAK OLEH

MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, J.S.M., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR

1975

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 14hb November, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SIR HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Baharu).

- Yang Berhormat TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan
Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S.
(Sri Gading).

- Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHEAL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

RUMAH-RUMAH BURUH

1. **Raja Nasron bin Raja Ishak** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang sedang diambil sekarang untuk mengawasi rumah-rumah buruh yang disediakan oleh majikan-majikan di estet-estet dan lombong-lombong bagi menentukan bahawa rumah-rumah ini menurut kehendak-kehendak peraturan yang ditentukan; dan
- (b) samada lawatan tahunan yang biasa dibuat oleh pegawai-pegawai buruh dapat mengawal dan memperbaiki keadaan perumahan buruh yang sekarang ini semakin buruk.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian saya menghendaki semua majikan-majikan yang berkenaan mengemukakan awal-awal plan-plan bagi rumah-rumah pekerja yang mengikut syarat-syarat minima yang ditentukan oleh undang-undang. Satu sijil kelayakan mesti diperolehi dari Kementerian saya sebelum tempat-tempat kediaman dapat diduduki.
- (b) Di samping pemeriksaan-pemeriksaan yang pada biasanya dilakukan sekali setahun, lawatan-lawatan memeriksa dari semasa ke semasa adalah juga diambil untuk menentukan bahawa tempat-tempat tinggal pekerja-pekerja adalah dijaga dengan sewajarnya. Ini merupakan satu cara yang sungguh berkesan untuk menentukan bahawa tempat-tempat tinggal pekerja tidak diabaikan atau jatuh dalam satu keadaan yang terbiar sahaja.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa rumah-rumah pekerja di ladang-ladang, majikannya

perlu mendapatkan sijil tiap-tiap tahun dari pada Kementeriannya, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar walaupun rumah-rumah pekerja itu diperiksa; saya tidak tahu adakah dibuat pada tiap-tiap tahun

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Ahli Yang Berhormat tidak tahu ada atau tidak, bagaimana hendak bertanya?

Dr Tan Chee Khoon: Ada rumah yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tahu, bolehlah bertanya. Tadi Ahli Yang Berhormat kata tidak tahu.

Dr Tan Chee Khoon: Keadaannya terlampau buruk. Oleh hal yang demikian, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengarahkan pegawai-pegawai Kementeriannya menyiasat dengan teliti keadaan rumah-rumah pekerja yang buruk itu?

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulangi jawapan saya di atas perkara yang tersebut iaitu jawapannya: "Satu sijil kelayakan mesti diperolehi dari Kementerian saya sebelum tempat-tempat kediaman dapat dikehendaki."

SETINGGAN-SETINGGAN DI JALAN COCHRANE

2. **Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar bahawa setinggan-setinggan di Jalan Cochrane Kuala Lumpur yang telah menanam sayur-sayuran dan memelihara ternakan seperti babi, ayam, itek dan lain-lain telah diberi notis untuk berpindah dari kawasan itu dan jika sedar, nyatakan samada Dewan Bandaraya akan memberi tanah di tempat lain yang sesuai kepada setinggan-setinggan ini.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, kawasan setinggan-setinggan di Jalan Cochrane Kuala Lumpur tidak ada diberi notis oleh Dewan Bandaraya, tetapi kawasan itu terlibat dalam projek yang sedang dijalankan bersama di antara Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dengan sebuah syarikat tempatan. Saya diberitahu, Kerajaan Negeri Selangor sedang menimbang untuk memberi tanah untuk kediaman di dalam kawasan Selangor kepada mereka yang terlibat.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar, apa yang dikehendaki oleh setinggan-setinggan di sana bukan tanah untuk rumah sahaja tetapi tanah untuk ternakan. Kerajaan Negeri Selangor perlu memberi tanah yang cukup luas kepada setinggan-setinggan di Jalan Cochrane supaya mereka boleh membela ternakan mereka yang ada sekarang.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar atas perkara itu, tetapi perkara ini masih lagi dibincangkan antara Kerajaan Negeri Selangor dengan setinggan-setinggan yang berkenaan.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa di kawasan Kampong Pandan di mana sebuah syarikat swasta bersama-sama dengan PKNS mengambil sebahagian besar daripada tanah-tanah di kawasan itu untuk membangunkan projek perumahan dan di dalam kawasan itu juga ada mempunyai beberapa buah kedai terdiri daripada bumiputra dan bukan bumiputra yang telah 12 tahun ataupun 15 tahun berniaga dalam kawasan itu yang terpaksa berpindah. Tetapi apa yang didapati daripada tawaran syarikat swasta itu ialah cuma rumah sahaja dengan tidak menimbangkan masalah tempat mereka itu berniaga?

Tuan Yang di-Pertua: Dukacita pertanyaan itu tidak bersangkut-paut langsung dengan pertanyaan yang asal.

BAS-BAS KECIL BAGI PEKERJA-PEKERJA

3. **Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada bas-bas kecil boleh digunakan di Kuala Lumpur untuk membawa pekerja-pekerja berulang-alik kerja dan adakah beliau sedar bahawa bas-bas kecil telahpun digunakan di Hong Kong dan sedang berjalan dengan baiknya.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah terlalu umum. Jika yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah bas-bas kilang untuk

membawa pekerja-pekerja kilang berulang-alik ke tempat kerja, berikutan dengan pindaan kepada Peraturan Kereta-kereta Motor (Pendaftaran dan Pelesenan) Tahun 1959, mulai dari 1-6-74 bas-bas kecil boleh digunakan untuk tujuan ini.

Setakat ini 15 lesen-lesen dalam kategori ini telahpun dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftaran dan Pemeriksa-pemeriksa Kereta-kereta Motor Selangor dan mereka yang berhajatkan lesen-lesen ini bolehlah memohon terus kepada Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di Kementerian saya.

Mengenai kegunaan bas-bas kecil bagi pekerja-pekerja umum pula adalah sedang ditimbangkan oleh Kementerian saya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Pada minggu yang telah lalu saya telah bertanya kepada Menteri yang berkenaan tentang pengangkutan di Kuala Lumpur. Adakah Menteri yang berkenaan sedar, kalau sekiranya bas-bas kecil (mini-buses) dibenarkan digunakan di Kuala Lumpur untuk bukan pekerja-pekerja kilang, tetapi untuk penumpang-penumpang umum, maka masalah pengangkutan di Kuala Lumpur boleh dikurangkan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat berkenaan dengan kesesakan kereta di Kuala Lumpur minggu yang lepas sudahpun saya jawab dengan penuhnya. Berkenaan dengan cadangan baru ini iaitu menggunakan bas-bas kecil, saya katakan tadi bahawa Kementerian saya sedang mempertimbangkan.

TENTERA RAKYAT (PEOPLES' MILITIA)

4. **Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Pertahanan menyatakan samada Kerajaan ingin menimbangkan pembentukan suatu Tentera Rakyat (Peoples' Militia) sebagai suatu cara pertahanan yang murah.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat tidak perlu dibentuk apa yang dipanggil oleh Ahli Yang Berhormat itu sebagai "Tentera Rakyat". Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu, kita sudahpun ada Ordinan Khidmat Negara yang membolehkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong membuat pengisytiharan bagi memanggil warganegara untuk diberi latihan tentera dan kemudian berkhidmat dengan Angkatan Tentera jika diperlukan. Selain dari itu, kita juga sudah ada Pasukan-pasukan Sukarela seperti Pasukan Askar Wataniah, Pasukan Pertahanan Tempatan, Pasukan Sukarela Tentera Laut di-Raja Malaysia dan Pasukan Sukarela Tentera Udara di-Raja Malaysia yang memberi peluang kepada warganegara untuk berkhidmat dengan secara sukarela.

PELAJARAN PERCUMA

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan menyediakan pelajaran percuma daripada peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat Universiti di negara kita.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada rancangan hendak menyediakan pelajaran percuma di semua peringkat.

PENJARA-PENJARA DI MALAYSIA

6. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa perlunya mengadakan perubahan-perubahan radikal di penjara-penjara di negara ini, untuk menjadikan penjara-penjara kita satu sistem yang lebih berperikemanusiaan dengan meninggikan keadaan di situ, samada mengenai layanan, makanan, perhubungan di antara banduan dan penjaga penjara, dan lain-lain.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini keadaan dan peraturan yang terdapat di dalam penjara-penjara di negara kita ini adalah sangat memuaskan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sentiasa sahaja mengkaji keadaan di penjara-penjara dari semasa ke semasa untuk membuat perubahan-perubahan dan pembaharuan-pembaharuan yang sesuai.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar di dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ada suatu rancangan minimum standard for prison. Kalau beliau sedar, adakah kita menjalankan cadangan-cadangan di dalam minimum standard itu?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya penjara kita memang menjalankan mengikut kehendak Bangsa-bangsa Bersatu yang dikatakan standard minimum rules for treatment of prisoners.

PENYELIA MELAYU KILANG BISKUT SEREMBAN

7. Dr Chen Man Hin minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar adanya diskriminasi terhadap pekerja-pekerja mengikut kaum dalam beberapa kilang dan syarikat perniagaan walaupun gred pekerja-pekerja itu sama. Contohnya, di sebuah kilang biskut di Seremban seorang supervisor Melayu mendapat bayaran \$200 lebih sebulan, manakala seorang supervisor bukan Melayu mendapat \$400 lebih sebulan. Jika sedar, nyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menghapuskan amalan diskriminasi mengikut kaum oleh kilang dan syarikat perniagaan dalam negeri ini.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa tiada diskriminasi yang terdapat seperti dikatakan oleh Ahli Yang berhormat itu. Hanya terdapat sebuah sahaja kilang biskut di Seremban yang menggajikan Penyelia-penyelia. Penyelia Melayu yang berkenaan sebenarnya ialah seorang Penolong Penyelia yang telah berkhidmat selama 5 tahun, dan mendapat gaji sebanyak \$320.00 sebulan. 2 orang Penolong-penolong Penyelia yang lain, kedua-duanya bangsa China, yang seorang dengan perkhidmatan selama 12 tahun dan yang satu lagi mempunyai 3 tahun perkhidmatan, dibayar gaji sebanyak \$370.00 dan \$280.00 sebulan masing-masing. Penyelia yang bukan Melayu itu, yang digajikan \$470.00 sebulan ialah Ketua Penyelia yang mempunyai perkhidmatan selama 17 tahun.

MURID-MURID SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CHINA

8. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai ibubapa-ibubapa di Petaling Jaya, terpaksa menghantar anak-anak mereka ke tempat-tempat yang jauh seperti Kuala Lumpur, Serdang atau Sungei Way untuk memasukkan anak mereka ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) kerana hanya ada satu sahaja sekolah sedemikian

untuk seluruh Petaling Jaya dan jika ya samada beliau akan menimbang mendirikan sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) yang baru di Petaling Jaya pada tahun 1975 bagi mengatasi masalah ini.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar bahawa ibubapa-ibubapa di Petaling Jaya terpaksa menghantar anak-anak mereka ke tempat yang jauh sehingga ke Serdang untuk memasukkan anak-anak mereka ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China. Murid-murid yang tidak dapat ditempatkan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China di Petaling Jaya adalah ditempatkan di salah sebuah darpiada 7 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China di sekitar Petaling Jaya.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan Kerajaan tidak sedar beratus-ratus murid tidak dapat masuk ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China di Petaling Jaya, tetapi adakah Kerajaan sedar dalam satu sekolah di Petaling Jaya namanya Cheng Wu tiap-tiap tahun ada 300 sampai 400 orang murid-murid tidak dapat tempat di sekolah itu. Adakah Kerajaan akan siasat atau akan membina sebuah sekolah di dalam Petaling Jaya?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalnya ialah samada sekolah yang mereka mesti pergi jauh atau tidak. Kuala Lumpur adalah di tepi Petaling Jaya dan di tepi-tepi Petaling Jaya tempat-tempat yang dekat ada terdapat 7 buah sekolah yang mana ibubapa boleh menghantar anak-anak mereka, tetapi kalau mereka memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke tempat-tempat yang lebih jauh, ini adalah salah mereka sendiri.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan. Oleh kerana di Petaling Jaya penduduk-penduduknya sekarang ada lebih 100,000 orang dan malangnya ada sebuah sekolah aliran China untuk penduduk-penduduk Petaling Jaya, adakah Kerajaan mempunyai satu rancangan untuk membina sekolah di Petaling Jaya.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya telah sebutkan bahawa ada 7 buah sekolah iaitu: Yuk Chun Petaling Tin, Yak Chee Kuhai, Kg. Baru Damansara, Kg. Baru Sungai Way, Choong Wen Batu 4 Jalan Kelang, Lick Hung Jalan

Bungsar, Yuk Chai Kg. Chempaka iaitu Sekolah-sekolah China yang boleh menerima murid-murid ini maka Kerajaan tidak ada rancangan untuk mengadakan lagi tambahan sekolah di Petaling Jaya.

SEKIM INSURAN BENCANA PEKERJAAN (PERKESO)—PAMPASAN

9. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa tuntutan-tuntutan pampasan PERKESO (SOCO) seringkali dilewatkan; jika ya, apa langkah beliau akan ambil untuk mempercepatkan bayaran tuntutan-tuntutan itu.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada terdapat sedikit kelewatan dalam beberapa kes tuntutan di bawah Sekim Insuran Bencana Pekerjaan.

Segala ikhtiar sedang dibuat oleh Pertubuhan yang berkenaan untuk mempercepatkan lagi pembayaran dengan cara mengurangkan masa di antara tarikh berlakunya kemalangan dan tarikh membuat pembayaran. Dalam hal ini perlu diingatkan bahawa Pertubuhan ini sekarang menguruskan lebih-kurang 3,500 kes pada tiap-tiap bulan. Tinjauan dalam masa 4 bulan yang lepas, walau bagaimanapun, menunjukkan bahawa kebanyakan kes-kes itu dapat diselesaikan dalam bulan yang sama.

Kelambatan menyelesaikan sesuatu kes itu boleh timbul oleh beberapa faktor seperti kelewatan menghantar laporan kemalangan atau borang tuntutan dan kegagalan menghantar sijil-sijil perubatan. Kelambatan boleh juga berlaku dalam kes-kes yang melibatkan bayaran faedah hilangupaya kekal di mana pekerja itu dikehendaki hadir di hadapan Lembaga Perubatan yang akan mentaksirkan peratus kehilangan tenaga untuk mendapat pekerjaan.

Dengan yang demikian, adalah mustahak bukan sahaja bagi Pertubuhan ini tetapi juga majikan, pekerja dan doktor memainkan peranan masing-masing untuk membantu PERKESO dengan memberi kerjasama penuh oleh sebab kelewatan menghantar laporan kemalangan oleh majikan atau sijil perubatan oleh doktor atau pekerja tidak dapat tidak akan menyebabkan kelambatan dalam membuat bayaran dan menutup kes yang berkenaan.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Menteri Yang berkenaan, samada sedar atau tidak mengenai Pertubuhan PERKESO (SOCO) ini masih ramai lagi pekerja-pekerja yang mendapat gaji harian terutama sekali pekerja-pekerja kontrektor yang membuat sesuatu pekerjaan yang tertentu masih lagi tidak tahu yang mereka ini mendapat bantuan SOCOS: Kalau sedar, apakah langkah-langkah Kementerian beliau akan ambil?

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, pertubuhan ini ialah satu pertubuhan yang baru. Mungkin, boleh jadi, ada pihak pekerja atau majikan belum faham atau sedar lagi atas perkara ini. Dengan adanya perubuhan ini saya cadangkan Ahli Yang Berhormat itu boleh menolong Kerajaan dengan memberi publicity kepadanya.

PERISTIWA DI KAMPUS UNIVERSITI MALAYA—PENYIASATAN

10. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menimbang dengan serious untuk mengadakan satu Suruhanjaya Siasatan Awam yang bebas untuk menjalankan penyiasatan penuh mengenai peristiwa-peristiwa yang telah berlaku di luar dan di dalam Universiti Malaya, mulai 21hb September, 1974.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Universiti Malaya telah menubuhkan suatu Jawatankuasa Penyiasat bagi mengkaji sebab-sebab berlakunya peristiwa pada 21hb September, 1974 di kampus Universiti Malaya. Jawatankuasa ini masih lagi menyiasat. Oleh yang demikian, saya berpendapat tidak perlu diadakan lagi suatu Suruhanjaya Siasatan Awam untuk maksud ini.

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENERBANGAN AWAM (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Penerbangan Awam, 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh

Menteri Perhubungan dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1974

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 92, tahun 1974 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk memansuhkan duti-duti eksepot atas beberapa jenis kayu yang sudah diperoses seperti yang dinyatakan dalam Perintah tersebut.

Cukai eksepot ini telah dikenakan dalam Belanjawan tahun 1974 pada kadar 5 peratus atas kayu yang digergaji dan beberapa jenis kayu yang sudah diperoses, seperti veneer, kayu papan lapis, lantai "parquet" dan sebagainya. Cukai ini telah dikenakan pada masa ini untuk menjamin bekalan bahan-bahan binaan yang cukup bagi memenuhi keperluan tempatan.

Kerajaan telah mendapati bahawa keadaan bekalan bahan-bahan binaan dari kayu untuk memenuhi keperluan tempatan sudah bertambah baik. Kerajaan juga telah diberi jaminan oleh pengeluar-pengeluar bahawa bekalan yang cukup akan disediakan untuk kegunaan tempatan. Memandangkan kepada sebab-sebab ini serta keadaan pasaran dunia yang kian merosot, Kerajaan telah memutuskan untuk memansuhkan cukai eksepot sebanyak 5% atas semua jenis kayu yang diperoses kecuali kayu yang digergaji yang mana akan terus tertakluk kepada cukai ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar b'n Umar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam, (Pindaan) (No. 15) 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 92, tahun 1974 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16), 1974

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 93, tahun 1974 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk:

- (a) mengurangkan duti impot dari \$12 setan kepada \$2 setan ke atas simen-simen yang jatuh di bawah Kepala Tarif 25.23;
- (b) mengurangkan duti impot dari 20% dan 25% kepada 5% ad valorem ke atas bahan-bahan pencuci kasut, lantai dan perabot yang jatuh di bawah Kepala Tarif 34.05;
- (c) mengurangkan duti "specific" dari 50 sen kepada 10 sen sekeping dan menghapuskan duti "ad valorem" sebanyak 20% ke atas "bolts, hinges, hasps dan staples" yang jatuh di bawah Kepala Tarif 83.02 100.

Barang-barang yang disebutkan ini tertakluk kepada duti perlindungan untuk membantu perusahaan-perusahaan tempatan. Sekarang didapati perusahaan-perusahaan tempatan telah berkembang dan keluaran mereka adalah setanding dengan barang-barang dari luar negeri. Adalah dirasakan bahawa perlindungan yang diberikan itu tidaklah perlu diteruskan lagi pada paras yang tinggi ini. Dengan itu perlindungan yang telah diberikan itu perlu dikurangkan seperti yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam, (Pindaan) (No. 16) 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 93 tahun 1974 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7), 1974

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 94 tahun 1974 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah melanjutkan ke Pulau Pinang duti impot sebanyak \$300 setan ke atas kaca atau gelas daripada jenis kaca kepingan, kaca yang berupa bentuk, kaca berwafer dan lain-lain yang jatuh di bawah Nombor-nombor Tarif 70.04 000, 75.05 000 dan 70.06 000. Sebagai yang diketahui pengenaan duti impot ke atas kaca atau gelas daripada jenis ini adalah meliputi seluruh Malaysia kecuali Pulau Pinang. Ini adalah duti perlindungan untuk memberi bantuan kepada perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 94 tahun 1974 disahkan.

AKTA EKSAIS, 1961

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4), 1974

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 95 tahun 1974 disahkan.

Perintah ini adalah bertujuan untuk mengecualikan daripada duti eksais ke atas kasut, slipper dan barang-barang yang dalam Bahasa Inggeris ialah "insulating, packaging and padding" yang diperbuat dari plastik. Duti eksais sebanyak 15 sen sepaiun telah dikenakan ke atas "non-rigid products of foam or sponge artificial plastic material" pada 14hb Jun 1973. Sebenarnya duti eksais yang dikenakan itu adalah bermaksud untuk meliputi "flexible polyurethane foam products" sahaja. Dengan itu maka perlulah pengenalan duti eksais ini dikecualikan kepada kasut, slipper dan barang-barang "insulating, packaging and padding" yang diperbuat dari plastik kerana pengenalan duti eksais ini bukanlah dimaksudkan untuk dikenakan ke atas kasut, slipper dan barang-barang yang diperbuat dari plastik seperti ini. Tetapi, "Non-rigid products of foam or sponge artificial plastic material" selain daripada yang disebutkan ini adalah kekal berduti eksais sebanyak 15 sen sepaiun.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 95 tahun 1974 disahkan.

ORDINAN EKSAIS SABAH No. 18 TAHUN 1959

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4), 1974

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais Sabah No. 18 tahun 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 96 tahun 1974 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah serupa dengan tujuan-tujuan Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4) 1974 yang telahpun diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dikenakan kepada Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais Sabah No. 18 tahun 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 96 tahun 1974 disahkan.

ORDINAN EKSAIS, SARAWAK

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1974

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam

Seksyen 3, Ordinan Eksais, Sarawak, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 97 tahun 1974 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 4), 1974 yang telah diluluskan oleh Majlis baru ini tadi, melainkan ianya dikenakan kepada Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais, Sarawak, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 97 tahun 1974 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1974

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 98 tahun 1974 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk mengatasi satu pelepasan (loophole) yang ada dalam struktur duti atas batu permata dan juga barang-barang kemas di Pulau Pinang.

Sebelum 31hb Oktober, 1974 mutiara dan batu-batu permata yang diperjeniskan di bawah No. Kepala 71.01 hingga 71.04 tidak dikenakan duti di Pulau Pinang. Begitu juga logam-logam selain daripada emas yang belum dijadikan barang-barang kemas di bawah

No. Kepala 71.05 hingga 71.11 tidak dikenakan duti di Pulau Pinang. Tetapi barang-barang kemas yang siap termasuk yang telah diikat dengan batu-batu permata yang dibuat oleh tukang emas, iaitu yang diperbuat daripada batu permata dan logam-logam yang tersebut di atas, adalah dikenakan duti di Pulau Pinang. Struktur duti ini membolehkan tukang-tukang emas di Pulau Pinang mengimpot batu-batu permata dan logam-logam bebas daripada duti dan boleh menjual barang-barang kemas yang siap yang diperbuat daripada batu-batu permata yang diimpot dengan tiada dikenakan duti impot di Tanah Besar manakala tukang-tukang emas di Tanah Besar juga dikenakan duti impot ke atas batu-batu permata dan juga barang-barang kemas. Untuk menyamakan kedudukan kedua-dua tukang emas di kawasan-kawasan itu dan juga untuk menyekat pengelakan duti ke atas barang-barang ini duti-duti impot yang sekarang dikenakan di Tanah Besar telah dikenakan di Pulau Pinang mulai daripada 31hb Oktober, 1974.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 98 tahun 1974 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1974

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 117 tahun 1974 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk menurunkan kadar duti impot ke atas minyak petrol dari \$1.20 segelen ke \$1.10 segelen di Sabah dan \$1.15 segelen di Sarawak serta memansuhkan duti impot ke atas minyak disel dan minyak tanah di Sabah dan Sarawak mulai daripada 31hb Oktober, 1974. Potongan cukai impot ke atas minyak petrol dan juga mansuhan cukai impot ke atas minyak disel dan minyak tanah adalah dibuat atas permintaan Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Negeri Sarawak. Segala kerugian hasil akibat potongan dan mansuhan duti ini adalah ditanggung oleh Kerajaan Negeri berkenaan kerana mengikut peraturan Perlembagaan sekarang hasil cukai impot dan cukai eksais keluaran-keluaran petroliam adalah hasil negeri bagi Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 17) 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 117 tahun 1974 disahkan.

ORDINAN EKSAIS SABAH NO. 18 TAHUN 1959

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1974

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais Sabah No. 18 tahun 1959 Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 118 tahun 1974 disahkan.

Tujuan perintah ini ialah untuk menurunkan kadar duti eksais ke atas minyak petrol dari \$1.20 segelen ke \$1.10 serta memansuhkan duti eksais ke atas minyak disel dan

minyak tanah di Sabah mulai daripada 31hb Oktober, 1974. Potongan duti eksais ke atas minyak petrol dan juga mansuhan duti-duti eksais ke atas minyak disel dan minyak tanah, seperti Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17) 1974 yang telah baru diluluskan oleh Majlis ini tadi, juga adalah dibuat atas permintaan Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais Sabah No. 18 tahun 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 118 tahun 1974 disahkan.

ORDINAN EKSAIS SARAWAK (CAP 27)

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 6), 1974

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais Sarawak (Cap 27), Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 6), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 119 tahun 1974 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk menurunkan kadar duti eksais ke atas minyak petrol dari \$1.20 segelen ke \$1.15 segelen serta memansuhkan duti eksais ke atas minyak disel dan minyak tanah di Sarawak mulai daripada 31hb Oktober, 1974. Potongan duti eksais ke atas minyak petrol dan juga duti-duti eksais ke atas minyak disel dan minyak tanah, seperti Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17) 1974 yang telah diluluskan oleh Majlis ini tadi juga adalah dibuat atas permintaan Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais Sarawak (Cap 27), Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 6), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 119 tahun 1974 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1974)

Bacaan Kali Yang Kedua

3.20 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa "Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1974 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu" dibaca bagi kali yang kedua.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$112,328,913 bagi perkhidmatan tahun 1974, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus, 1974 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1974.

Dalam Tambahan ini, sebanyak \$43.8 juta dikehendaki untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan membuat pembayaran balik kepada Kerajaan Negeri Sarawak berkaitan dengan royalti-royalti minyak yang diperolehi daripada minyak mentah "Continental Shelf" yang dibahagi bersama atas kadar 50-50; \$5 juta dikehendaki untuk menstabilkan harga barang-barang keperluan seperti tepung gandum dan susu pekat manis dengan memberi bantuan kepada syarikat-syarikat pembuat barang-barang keperluan ini; \$3.5 juta untuk membiayai pendahuluan sewa bagi tempat-tempat kediaman di Pejabat-pejabat Perwakilan di Luar Negeri; \$5 juta sebagai peruntukan tambahan

kepada Kumpulanwang Pendahuluan Kenderaan untuk membiayai bilangan pendahuluan-pendahuluan yang bertambah yang telah diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan; \$50 juta untuk diperuntukkan kepada Kumpulanwang Luar Jangka disebabkan oleh bertambahnya bilangan pendahuluan-pendahuluan yang telah dibuat kepada berbagai Agensi Kerajaan untuk membiayai perbelanjaan yang segera dan tidak diramalkan sebagaimana yang dialami pada tahun-tahun yang lepas. Yang lainnya adalah kecil jumlahnya dan diterangkan dengan lanjut dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 tahun 1974.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (Bil. 2), 1974

3.24 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul berikut yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dirujuk kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis:

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$49,508,131 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1974, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 tahun 1974, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam senarai Kertas Perintah itu.

Dalam Tambahan ini, peruntukan tambahan sebanyak \$49,508,131 adalah dikehendaki yang melebihi peruntukan yang telah diluluskan bagi tahun 1974. Dari jumlah ini, tujuh peruntukan tanda sebanyak \$10 tiap-tiap satu telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka dengan tujuan untuk

meminda jumlah anggaran harga projek-projek, mewujudkan di mana perlu, pecahan-pecahan kepala baru dan untuk mengadakan peruntukan bagi pecahan-pecahan kepala yang sedia ada tetapi wang tidak diperuntukkan dalam Anggaran Asal. Wang sebenar yang diperlukan bagi peruntukan-peruntukan tanda itu boleh diperolehi dari wang simpanan dalam Kepala berkenaan manakala yang lainnya adalah perlu untuk mendapatkan peruntukan tambahan melalui Anggaran Tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan sebanyak \$49,508,131 dalam Anggaran Tambahan ini adalah dikehendaki seperti berikut:

- (a) Kepala P.7—Perdana Menteri—sebanyak \$88,061 dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan mengurus Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara;
- (b) Kepala P.14—Kementerian Pertanian dan Perikanan—sebanyak \$100,000 dikehendaki bagi membiayai peringkat pertama Projek Percubaan Perdagangan, Sabah untuk memajukan perusahaan ternakan di Negeri itu;
- (c) Kepala P.15—Kementerian Perusahaan Utama—sebanyak \$20.65 juta dikehendaki; dari jumlah itu \$8,450,000 untuk membiayai pembinaan gudang-gudang dan juga menambah modal pusingan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad, dan \$12.2 juta untuk menambah modal bersama Kerajaan dalam Kilang Nenas Tanah Melayu Berhad;
- (d) Kepala P.23—Perbendaharaan—sebanyak \$10 juta dikehendaki sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Pahang untuk modal bersama Negeri itu dalam Amanah Saham Pahang Berhad;
- (e) Kepala P.26—Kastam dan Eksais Di Raja—sebanyak \$2 juta dikehendaki untuk membiayai bayaran kemajuan bagi pembinaan Kompleks Kastam dan Jejambat, Johor Bahru;
- (f) Kepala P.31—Jabatan Imigresen—sebanyak \$80,000 dikehendaki untuk membiayai kerja-kerja pembaikan dan meluaskan ruang pejabat di Pejabat Imigresen, Sarawak;
- (g) Kepala P.44—Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan—sebanyak \$12.4 juta sebagai pinjaman; dari jumlah itu \$12 juta dikehendaki bagi mem-

biayai beberapa projek perumahan termasuk rancangan-rancangan baru yang telah diluluskan dan \$400,000 sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Sembilan untuk membiayai perbelanjaan membuat pasar baru di Jalan Templer, Seremban;

- (h) Kepala P.50—Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa—sebanyak \$2,261,000 dikehendaki untuk membiayai kerja-kerja pembinaan Kompleks Instituti Teknologi MARA di Shah Alam, Selangor; dan
- (i) Kepala P.64—Kementerian Kemajuan Tanah—sebanyak \$1,929,010 dikehendaki; dari jumlah itu \$1,929,000 merupakan harga pengambilan tanah dan pampasan untuk membolehkan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak melaksanakan projek tanaman lada hitam berikutan dengan penempatan semula penduduk-penduduk di Nanga Sekau Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir selanjutnya mengenai Tambahan ini ada diberikan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 tahun 1974.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.29 ptg.

Dr Tan Chee Khoo (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap terhadap usul dan Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Selasa dalam Ucapan Belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mengatakan di negeri ini ada keadaan resesi dan inflasi. Kedua-dua masaalah ini adalah paling penting terhadap negara kita dan kalau sekiranya kita tidak jaga dengan teliti perbelanjaan tentang Current Account mahupun pembangunan kita mesti berada deficit budgeting di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar tiap-tiap tahun Public Accounts Committee ada menyatakan Kerajaan kadang-kadang datang ke Dewan ini memohon wang tetapi wang yang ada belum dibelanjakan lagi, tetapi datang ke sini memohon lebih wang walaupun wang yang ada diuntukkan belum dibelanjakan.

(Dengan izin) This can be seen in practically every report of the Auditor-General every year where he states quite clearly that the Government has often come to this House for supplementary funds when funds allocated and not spent are already available, i.e., the Government has the audacity to come to this House to ask for more funds when funds are already available. Mr Speaker, Sir, it is obvious that we must, not only now, but in the days ahead, perhaps for another two or three years, see that every cent that is being asked for is spent very carefully and that not a single cent is thrown down the drain. Now, in the Supplementary Supply Bill before us a sum of \$139,475,075 is being asked for and for supplementary development expenditure a sum of \$49,508,131 is being asked for. These together, Mr Speaker, Sir, add up to a total of \$188,983,206 being asked for the approval of this House today. I shall comment a little bit, Sir, on these expenditures that are being asked for a little later.

This obviously is not the end of the story, as the Deputy Minister of Finance knows. There will be many more Supplementary Supply Bills coming next year to meet the extra expenditures for this year, e.g. there is the 13th months salary being paid, three-quarters of it has been paid and a quarter will be paid next month, which we are told will amount to \$150 million; and there are other expenditures that have been made in advance to some categories of Government servants in anticipation of the Harun Report and indeed if there is a quick decision by the Unions on the Harun Report much more money will be spent. All I am saying, Sir, is that there will much more expenditure being asked for by way of Supplementary Supply Bills and this will of course alter dramatically the story that the Minister of Finance told us on Tuesday. On Tuesday he told us that the anticipated surplus for this year on the Current Account was \$67 million—that was the estimated surplus—but now it is anticipated that there would be a surplus of \$660 million.

But if you take into account the Supplementary Supply Bills that are being asked for today and those that will be asked for in the next year, then of course, the picture is not as rosy as either the Minister of Finance would have us believe or the Government would want this House or the country to believe that all is well with the finances of this country. I submit that when the final account is made of the total expenditure on the Current Account, the rosy picture that the Minister of Finance painted for us on Tuesday will be thrown overboard. Sir, with your permission I shall go into some of the expenditure which I think should not be repeated.

Tuan Yang di-Pertua: Should not you take that up at the Committee Stage, Yang Berhormat?

Dr Tan Chee Khoo: I wish to point out to the Government why they should be more careful with expenditure in order that money is not wasted, and I shall be very brief.

One item of expenditure which I think is a waste is the extra \$287,550 that is being asked for the Hari Kebangsaan celebrations when already \$304,100 had been allocated. Why should such an extra sum, Sir, almost a 100% increase be spent on the Hari Kebangsaan celebrations when by August the Government had known that recession was on the way and the Government should have to be very careful with its expenditure.

Another item of expenditure Mr Speaker, is the sum of \$500,000 being allocated for the Pesta Pembangunan Kebangsaan. This, to put it bluntly and to put it plainly, was an election stunt of the Barisan Nasional made at the expense of the taxpayers of this country, and I cannot see how the Government can ask the people of this country to tighten their belts and to save; we have a National Savings Corporation and yet go on a spending spree with \$500,000 meant to boost the election fortunes of the Barisan in the Federal Capital. I am told that that function was not even well organised. This is the sort of expenditure on which the public in this country, the taxpayers, are entitled to ask, why should the Government indulge in such a wasteful expenditure? Now, Mr Speaker, I think there is another item of expenditure which the . . .

Tuan Yang di-Pertua: Would Yang Berhormat speak on the policy using bits and pieces from this Paper as an example? Do it that way and then the Chair will agree to allow Yang Berhormat to carry on.

Dr Tan Chee Khoon: I am talking about waste and using these little bits to illustrate; otherwise I will be talking in a void. There is an expenditure on page 12 under Kepala B. 23, of \$668,200. What I want to request on the Deputy Minister, the House and the Government is that the Government should see that whenever there is a Statutory Body that is being formed—and we have Statutory Bodies being formed one almost every month in this country that body or its officials should not go on a spending spree. What I know is that the Chairman-elect goes and sees the latest model of Mercedes Benz 280S. Why should it be a 280S, I ask, Sir? Why should the statutory bodies have wall-to-wall carpeting or new carpeting all the way? Why should it be so in these days of recession, inflation and indeed stagflation? Should not the Treasury say, “Go slow with this expenditure. The rakyat will not bear with it.” Why not settle for an Avenger which costs \$10,000? Why should it be a Mercedes? If it must be a Mercedes, which costs I think in the region of \$38,000, why should it be a Mercedes 280S and not a Mercedes 200? Last year we had a boom with the export commodities selling as fast as we could produce and selling them at very high prices. But now we cannot afford such expenditure. I do hope that the Treasury should put a clamp on such wasteful expenditure.

Mr Speaker, Sir, as regards the allocations that have been asked for, there are two other items which I wish to touch briefly on. I have touched on how I think there has been wasteful expenditure. I hope that the Government will spare a thought for the pensioners of this country. As regards the pensioners of this country, I see that there is an extra allocation in this Paper of about \$250,000...

Tuan Yang di-Pertua: What Command Paper?

Dr Tan Chee Khoon: Command Paper No. 17 of 1974 and this is on page 5, Kepala T. 14, Pecen, Elaun Bersara dan Ganjaran. This House has heard many of us from both sides of the House ask the Prime Minister

about the dire plight of the pensioners of this country. The pensioners of this country have no voice in this House. They had some voices here last time when a few pensioners were Members of this House, but now they do not have a voice in this House, and I do hope that the Government will spare a thought for them. When you go on spending half a million dollars on Pesta Pembangunan and on brand new cars for Ministers and Deputy Ministers, why not something be provided for the pensioners who cannot cope with the cost of living? The price of sugar has gone up by ten cents and the price of milk has gone up and how are they going to feed their children assuming that they married late in life? So, Mr Speaker, Sir, I do hope that the Government will, during the current year, spare a thought for the plight of the pensioners in this country and try to alleviate their sufferings and also, together with it, the Government should try and see that the pension papers of people who have retired are processed as quickly as possible, so that they do not have to live on the charity from the relatives and neighbours waiting for their pensions and quarter-pensions to arrive.

Mr Speaker, Sir, I now come to the Development Expenditure that the Deputy Minister has touched upon. He has touched upon the sum of \$12.2 million that is being allocated for the Kilang Nenas Tanah Melayu Berhad. I regret at this stage that the Chairman of FIMA, who is the Minister of Education, is not here, because I believe in a Press interview he had stated that when he took over as Chairman of FIMA he saw sugar—and this is a very costly item these days—being thrown on the floor of the factory and quite rightly he said, “I put a stop to it and improved the labour relations. Now things are picking up and we are trying to break even”. I want to ask the Deputy Minister of Finance whether FIMA and other statutory bodies have presented Annual Reports, Annual Reports that can be of use to us in this House and not Annual Reports that are late perhaps six or seven years, because then they will of course be of no use to anyone of us in this House. Mr Speaker, Sir, with such an allocation of \$12.2 million making, I believe, a total of \$20 million to this factory alone, I would like to ask when will this factory start breaking even and start making profits. I see that the outlook is not that good, because the Chairman of FIMA

himself has admitted that sales are difficult to come by and that FIMA should go into the canning of other food products in this country. I entirely agree with him, but the Treasury should tell us how much more money the taxpayers of this country are going to be asked to pour into this factory before it can start showing a profit, because if it does not show a profit and all this money goes down the drain, then we might not just as well start such an exercise.

Mr Speaker, Sir, the Deputy Minister has also touched on the allocation of \$2.261 million required as additional expenditure for the Institiut Teknologi MARA. In Command Paper No. 19 of 1974 it is stated as follows:

“Peruntukan tambahan sebanyak \$2,261,000 adalah dikehendaki bagi membiayai kerja-kerja pembinaan untuk Komplek Institiut Teknologi MARA di Shah Alam, Selangor.”

Here I regret that the Minister of Education is not here, because all these millions of dollars that are being poured into MARA in Shah Alam will be wasted if you have a discontented student population. One of the burning questions that is before the students in the M.I.T. is the question of university status. We all know that last year they came here and they nearly wanted to invade this House and they were kept away by the Police. Before they all go on a rampage—and I do not want it said that I am encouraging them to go on a rampage—the Government should decide one way or the other on the question of university status for the M.I.T.

Mr Speaker, Sir, I seek a clarification from either the Deputy Minister of Finance or the Minister of Social Welfare, who is here, in regard to this point. On page 5 of this Kertas Perintah 19 tahun 1974, Kepala P. 62, Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am, it is stated that peruntukan tambahan dikehendaki ialah \$10 and from the Paper before me, I see that the necessary provision is to be transferred from the allocation for Bengkel untuk Orang-orang Cacat, Selangor. There was originally an allocation of \$675,000 of which I believe roughly a sum of about \$400,000 has been spent. I want to ask the Minister of Social Welfare whether she can enlighten this House on what is going to happen to the rest of the allocation that was made by this House under the Second Malaysia Plan. I say this because just only today

I was asked by a patient to find out whether he could be found a place in a rehabilitation centre. He was working, he fell down while at work and broke his spine and paralysed himself. He can hobble about with crutches, but obviously he cannot be supported for the rest of his natural life which may extend for another twenty to thirty years. But if there are enough places in these rehabilitation centres, then such people can be sent to such centres and they can be taught some trade such as basket making and other handicrafts and they can be useful members of the society without being a drain and hindrance to the relatives.

Finally, Mr Speaker, Sir, the Deputy Minister in his speech also mentioned about the allocation of \$50 million that he has asked for, for expenditure that cannot be foreseen, I do agree that such a contingency is necessary. But let us hope that the Deputy Minister will see to it that this allocation of \$50 million is not a blank cheque for officials to spend first and account for it later.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

3.49 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan di sini menjawab satu sahaja soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi, terutama sekali berhubung dengan soal permohonan Kementerian saya untuk perbelanjaan atas syarikat PCM.

Saya suka menyatakan di sini bahawa memanglah benar perusahaan nenas di dalam negara kita ini sedang menghadapi kemerosotan. Walau bagaimanapun, memanglah menjadi tanggungjawab Kerajaan supaya perusahaan ini diawasi dengan seberapa teliti dan pentadbirannya diperlicinkan supaya apa juga kerugian yang mungkin dihadapi tidaklah disebabkan oleh negligence ataupun pihak Kerajaan membiarkannya sahaja. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat kedudukan PCM pada masa sekarang bolehlah dianggap sebagai kedudukan yang semakin lama semakin baik pada keseluruhannya. Sebagai contoh saya suka menyatakan di sini bahawa dari segi kerugian dan keuntungan terutama sekali, pada tahun 1973 pihak PCM telah menghadapi kerugian

sebanyak \$882,967 tetapi kalau dibandingkan kerugian ini dengan tahun 1972 kerugian tahun 1972 ialah sejumlah \$3,651,40. Di sini kita nampak dengan jelas bahawa kerugian ini telah dapat diperkurangkan dengan penadbiran yang lebih baik oleh PCM sendiri. Dan mengikut lapuran lisan yang telah saya dapat setakat ini, "Unaudited accounts" yang telah diberi berhubung PCM menunjukkan bahawa kita telah mula menghadapi keuntungan berbeza daripada kedudukan dahulu. Itu sehajalah penjelasan yang saya suka kemukakan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini.

3.52 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Yang pertamanya, berkenaan dengan kerap kali beliau menyatakan Menteri Kewangan membawa ke Majlis ini permintaan untuk tambahan Anggaran Belanja Mengurus ataupun Anggaran Pembangunan. Seperti mana Ahli Yang Berhormat dari Kepong sedar, Perbendaharaan mengadakan Anggaran Tahunan sebagai satu rangka, dan oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional ini satu Kerajaan yang bertindak tidak boleh mengikat Kementerian-kementerian yang berkenaan menyatakan bahawa jikalau ada rancangan-rancangan yang baharu, rancangan-rancangan baharu itu tidak boleh dilaksanakan, walaupun rancangan-rancangan itu ada berfaedah oleh kerana satu teknikal itu sahaja peruntukan tidak dimasuki di dalam Anggaran Tahunan. Ini tidak ada berfaedah jikalau kita hendak mengikat Kementerian atau Jabatan-jabatan sahaja atas anggaran tahunan. Ini anggaran ialah satu rangka ataupun objective untuk expenditure sahaja dan tidak boleh dikatakan dikekalkan setakat itu.

Berkenaan dengan short falls di dalam perbelanjaan, Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis ini memang sedar bahawa kadangkala ada rancangan-rancangan yang terpaksa ditangguhkan oleh kerana kadangkala bila kita hendak jalankan kerja tidak dapat bekalan yang cukup ataupun bila hendak impot jentera dari luar negeri mungkin jentera tidak dapat diimpot. Ada juga beberapa faktor supaya ada rancangan-rancangan tergendala ataupun ditangguhkan. Dan apabila

rancangan-rancangan tersebut ditangguhkan adalah terjadi juga shortfalls. Pihak Perbendaharaan memang tidak suka oleh kerana shortfalls tidak mencerminkan peruntukan yang diberi kepada Kementerian-kementerian tersebut, tetapi apa boleh buat shortfalls mesti ada jikalau kita mengambil faktor human element di dalam rancangan-rancangan human element mesti ada di dalam mana-mana rancangan pun.

Berkenaan dengan peruntukan untuk Hari Kebangsaan dan Pesta Pembangunan dan sebagainya, Ahli Yang Berhormat dari Kepong mesti sedar juga Hari Kebangsaan dan Pesta Pembangunan ialah hari-hari yang meriah, maka patut disambut oleh semua penduduk-penduduk di Malaysia. Dan jikalau kita tidak beri kehormatan pada Hari Kebangsaan kita sendiri negeri manakah patut kita beri penghormatan.

Berkenaan dengan pensioners atau orang-orang yang telah bersara, sepertimana yang diterangkan di Majlis ini, ada juga beberapa Jawatankuasa yang telah ditubuhkan untuk mengkaji kedudukan pensioners dan lapuran-lapuran Jawatankuasa tersebut sedang dikaji oleh Kerajaan. Berkenaan dengan peruntukan yang telah diberi kepada Kilang Nenas Tanah Melayu Berhad, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telahpun memberi jawapan, tetapi oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Kepong kemukakan soalan kepada saya, samada pihak Perbendaharaan ada mengkaji perbelanjaan ini ataupun tidak, suka saya menyatakan di sini bahawa sebelum peruntukan ini diberi sebagai pinjaman kepada kilang tersebut, pihak Perbendaharaan sudahpun meminta beberapa lapuran daripada kilang tersebut dan juga memberi syarat-syarat yang tertentu kepada kilang supaya kilang itu mengadakan satu structure yang baharu. Saya harap dengan ini . . .

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan structure yang baharu, katanya, boleh menjamin kita tidak akan hilang wang oleh kilang ini. Mengikut kata Menteri Perusahaan Utama pada tahun 1972 kehilangan itu \$3 juta lebih dan pada tahun 1973 \$882,967.00, itu bukan satu angka yang kecil, jumlahnya \$4,400,000. Bolehkah structure baharu yang disebutkan

oleh Timbalan Menteri Kewangan memberi jaminan kita tidak akan menghilangkan \$4 juta lagi?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, bila saya sebutkan "structure" ini bermakna kilang tersebut akan atau sudah-pun menyusun semula management ataupun pentadbirannya. Tetapi berkenaan soalan samada saya atau kilang boleh beri jaminan bahawa kilang itu tidak rugi saya fikir tidak ada satu perusahaan di dalam sektor swasta atau sektor awam yang boleh memberi jaminan bahawa tidak akan rugi bila Director menjalankan perusahaan atau perniagaan. Saya fikir siapa yang boleh beri jaminan akan dapat keuntungan atau tidak rugi dalam perusahaan ialah seorang yang paling berani.

Dr Tan Chee Khoon: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Untuk penjelasan itu boleh, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak beri jalan. Do you give way?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Ya.

Dr Tan Chee Khoon, Tuan Yang di-Pertua saya bukan bertanya bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan iaitu kilang tersebut boleh untung atau rugi? Yang saya bertanya dan rakyat di Malaysia hendak bertanya, bolehkah Yang Berhormat menjaminkan yang kilang tersebut tidak akan rugi \$4 juta lebih, itu soalnya.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini memadai jika saya menjelaskan bahawa pihak Perbendaharaan sedang mengkaji dan akan meminta laporan serta brunding dengan rakyat dan dengan pihak yang berkenaan. Satu sahaja lagi yang saya hendak memberi jawapan dalam perkara ini, iaitu berkenaan dengan wang simpanan untuk rancangan-rancangan yang di Luar Jangka. Peruntukan ini memang perlu oleh kerana jikalau kita hendak tunggu-menunggu sebelum dapat persetujuan daripada Majlis ini maka rancangan-rancangan tidak boleh dilaksanakan ataupun dijalankan. Tetapi saya juga bagi pihak Kementerian Kewangan patut juga memberitahu Dewan ini bahawa pihak Perbendaharaan sedar iaitu wang yang diperuntukan oleh Dewan ini mesti dibelanjakan dengan cermat dan berfaedah kepada negara.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$49,508,131 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1974, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 tahun 1974, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam senarai Kertas Perintah itu.

Majlis Mesyuarat sebagai Jawatankuasa

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

JADUAL

Kepala B. 2, B. 6 dan B. 7 (Jadual)—

Kepala P. 7 (Anggaran Pembangunan) (Tambahan) (Bil. 2, 1974)

4.04 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua Tahun 1974 di bawah Kepala B. 2, B. 6 dan B. 7 serta Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1974 di bawah Kepala P. 7 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada jadual peruntukan-peruntukan tambahan di bawah Kepala-kepala yang disebutkan seperti berikut:

(a) Mengurus Tambahan Kedua Tahun 1974, Kepala B. 2—Majlis Raja-raja. Tambahan sebanyak \$15,084 kepada peruntukan yang sedia ada sebanyak \$63,373 adalah dikehendaki untuk menampung kekurangan yang disebabkan kenaikan gaji Penyimpan Mohor Besar Raja-raja dan pembayaran

Elaun Bantuan Khas dan pembayaran Caruman Wang Simpanan Pekerja kepada kakitangan pada tahun 1974. Kepala B. 6—Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi. Tambahan sebanyak \$3,525 adalah dikehendaki untuk membayar Elaun-elaun Bantuan Khas kakitangan oleh kerana peruntukan yang disediakan sebanyak \$4,080 telah didapati tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaan dalam tahun 1974. Kepala B. 7—Perdana Menteri. Tambahan sejumlah \$1,103,577 adalah dikehendaki bagi perkara-perkara yang tersebut di bawah ini.

Untuk pembayaran gaji kakitangan serta elaun-elaun kepada Pengerusi kepada Ahli-ahli Suruhanjaya Gaji Badan-badan Berkanun, Awam dan bagi membiayai perbelanjaan mengurus Suruhanjaya itu, \$59,727. Untuk membiayai perbelanjaan berkaitan dengan Hari Kebangsaan, \$287,550. Untuk membayar gaji kakitangan dan belanja mengadakan kursus-kursus oleh Pusat Latihan Pembangunan Masyarakat \$211,000 dan untuk gaji serta elaun kakitangan dan membeli perkakas-perkakas Pejabat Unit Kewalan Harga Lembaga Padi dan Beras Negara yang telah ditubuhkan dalam bulan Mei 1974, \$545,300.

(b) Pembangunan Tambahan Kedua Tahun 1974 Kepala P. 7—Perdana Menteri. Tambahan sebanyak \$88,061 adalah dikehendaki membiayai perbelanjaan mengurus Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara oleh kerana peruntukan yang telah disediakan sebanyak \$1 juta didapati tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan dalam tahun 1974.

Tuan Pengerusi, saya syorkan supaya semua Peruntukan Tambahan yang saya sebutkan tadi diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$15,084 untuk Kepala B. 2 dan \$3,525 untuk Kepala B. 6 dan \$1,103,577 untuk Kepala B. 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$88,061 untuk Kepala P. 7 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1974.

Kepala P. 14 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1974)—

4.09 ptg.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Desa (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Pengerusi, saya syorkan supaya peruntukan tambahan yang dibentangkan atas nama Kementerian ini seperti yang ada di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$100,010 untuk Kepala P. 14 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1974.

(Tamb.) (Bil. 2), 1974)—

Kepada P. 15 (Anggaran Pembangunan

4.10 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Anggaran Belanja Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) tahun 1974 bagi Kementerian saya di bawah Kepala P. 15, Pecahan-kepala 2 item (i) sebanyak \$8,450,000 sebagai saham Kerajaan di dalam Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad dan Pecahan-kepala 3 sebanyak \$12,200,000 juga sebagai saham Kerajaan di dalam Kilang Nenas Tanah Melayu Berhad.

Kepala P. 15 Pecahan-kepala 2—Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad. Di dalam Rancangan Malaysia Kedua satu peruntukan sebanyak \$25 juta telah diuntukkan kepada Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad sebagai saham Kerajaan tetapi sehingga tarikh ini Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad berkehendakkan jumlah peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Kedua ini sebanyak \$25,756,386.

Bagi tempoh 1971 hingga 1973 jumlah peruntukan sebanyak \$10,306,386 telah dikeluarkan. Bagi tahun 1974 hanya sebanyak \$7 juta telah diuntukkan di bawah Kepala P. 15, Pecahan-kepala 2 item (i). Satu pendahuluan daripada Kumpulan Wang Simpanan Luar Jangka telah diberikan sebanyak \$8,450,000. Dengan ini saya mohon meluluskan supaya peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua sebagai saham Kerajaan sebanyak \$25 juta itu dipinda menjadi \$25,756,386.

Seterusnya saya juga memohon kelulusan supaya peruntukan tambahan di bawah Kepala P.15, Pecahan-kepala 2 item (i) berjumlah \$8,450,000 diluluskan.

Kepala P.15 Pecahan-kepala 3 item (i) kilang Nenas Tanah Melayu Berhad. Sebagai saham Kerajaan di dalam Kilang Nenas Tanah Melayu Berhad peruntukan sejumlah \$7 juta telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Peruntukan ini telahpun dikeluarkan dalam tahun 1971 memandangkan kepada keperluan-keperluan modal tambahan oleh kilang tersebut maka wang sejumlah \$12,200,000 telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Simpanan Luar Jangka dalam tahun 1974. Dengan ini saya mohon kelulusan agar peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua sebagai saham Kerajaan di dalam kilang tersebut dipinda daripada \$7 juta kepada \$19,200,000 dan seterusnya saya mohon supaya peruntukan sebanyak \$12,200,000 yang telah didahulukan kepada kilang tersebut di bawah Kepala P. 15, Pecahan-kepala 3 item (i) diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20,650,000 untuk Kepala P. 15 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1974.

Kepala B. 16 (Jadual)—

4.12 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Pengerusi, saya bangun mengusulkan supaya Kepala B. 16. Pecahan-kepala 4100—Pemberian, Subsidi dan Carum-carum—yang berjumlah sebanyak \$5 juta di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1974 bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Peruntukan sebanyak \$5 juta ini yang telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka adalah diperlukan untuk membantu perusahaan barang-barang keperluan bagi tujuan menstabilkan harga jualan barang-barang itu. Setakat ini subsidi di bawah rancangan ini telah diberi kepada perusahaan susu pekat dan tepung gandum supaya harga jualan barang-barang tersebut dapat dikekalkan sebanyak di antara 60-75 sen satu tin susu mengikut jenisnya dan

40 sen bagi satu kati tepung gandum. Subsidi ini telah diberi memandangkan bahawa kedua-dua perusahaan tersebut telah mengalami kenaikan kos pengeluaran dan harga jualan barang-barang keluaran perusahaan ini tidak lagi sejajar dengan kos pengeluarannya.

Kadar bayaran subsidi ini adalah seperti berikut:

- (i) Tepung gan- 5 sen satu kati
dum
- (ii) Susu pekat ... 5 sen satu tin atau
\$2.40 satu peti
sebanyak 48 tin.

Pembayarannya dibuat dengan berasaskan kepada jualan purata bulanan barang-barang itu yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat tersebut kepada Kementerian ini dan disokong oleh:

- (i) Invoice jualan (sales invoices) yang diakui oleh Juru Odit syarikat berkenaan;
- (ii) Borang Pengakuan Kastam (Customs Declaration) bagi barang-barang yang dikenakan eksais seperti susu pekat.

Rancangan subsidi ini berjalan selama 2 bulan—iaitu daripada 16-7-74 sehingga 15-9-74. Semenjak tempoh subsidi ini tamat, Kerajaan tidak lagi melanjutkan pemberian subsidi ini. Kenaikan kos pengeluaran kedua-dua barang tersebut mestilah dipikul bersama oleh pengusaha-pengusaha serta juga pengguna-pengguna. Walau bagaimanapun subsidi dengan tidak secara langsung iaitu pengecualian cukai-cukai masih lagi diberi bagi susu pekat eksais duti atas "condensed milk" sebanyak 1 sen satu paun dan 2% surtax atas "skimmed milk powder" dan "butterfat" telah dikecualikan; dan bagi tepung gandum 2% surtax atas "wheat grain" telah juga dikecualikan. Pengecualian ini berkuatkuasa mulai dari 16-7-74 hingga kepada 31-12-74.

Tuan Pengerusi, saya mohon supaya peruntukan tambahan \$5 juta di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1974 bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian diluluskan.

4.18 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya menyokong usul yang dikemukakan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan saya mengucapkan ribuan

terima kasih kepada beliau yang mana di dalam peruntukan-peruntukan tersebut beliau telah menyatakan peruntukan pada susu pekat telah diberi subsidi daripada semasa ke semasa sebagaimana yang telah dinyatakan tadi. Tetapi walau bagaimanapun, saya biasa dengar daripada suri-suri rumah-tangga di atas kerumitan ataupun keluhan mereka sejak susu pekat dinaikkan walaupun tidak begitu tinggi, tetapi disebabkan keperluan yang mesti diberikan kepada orang-orang yang berkenaan terutama kepada kanak-kanak kecil yang baru lahir.

Saya berpendapat selain daripada kita memberi subsidi patutlah kita beri satu keistimewaan, bahawa saya masih ingat sewaktu saya kecil lagi, ada suatu coupon yang telah dibuat oleh Kerajaan di mana satu ketika gula masih tidak ada di dalam tanahair kita, tetapi diberi keistimewaan kepada orang-orang untuk mendapatkan gula.

Saya juga berpendapat, bahawa sebagaimana susu pekat yang kita tahu, tiap-tiap orang mesti ada makan apatah lagi kepada kanak-kanak yang baru lahir, ia tidak memilih sama juga budak yang tersebut itu miskin ataupun kaya. Pada umumnya hari ini yang kita tahu suri-suri rumahtangga terpaksa bekerja walaupun ada yang bekerja makan gaji cara yang lumayan dan ada juga yang bekerja di bendang dan sebagainya. Ini berkehendakkan sangat bantuan kepada susu-susu tadi diberi kepada kanak-kanak tersebut. Walaupun kita dapat tahu susu-susu yang lebih mujarab kepada kanak-kanak tadi ialah susu daripada ibunya sendiri tetapi memandangkan kepada keadaan zaman sains dan teknologi, susu pekat adalah amat penting kepada kanak-kanak untuk menolong ia menyuburkan badan. Saya berharap satu cara yang istimewa kepada suri-suri yang baharu bersalin terutama petani-petani yang susah, maka patutlah diberi keistimewaan dengan cara memberi coupon walaupun dengan cara percuma tetapi setakat yang berpatutan.

4.21 ptg.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Pengerusi, saya menerima kasih di atas pandangan-pandangan daripada Ahli Yang Berhormat. Kalau tidak salah saya permintaan supaya coupon diberi kepada pihak-pihak yang disebutkan tadi itu

bermakna bahawa Kerajaan dikehendaki memberi susu dengan secara percuma kepada pihak-pihak yang berkenaan itu.

Pada pendapat saya, perkara yang patut diberi kajian oleh Kementerian yang berkenaan yang lain yang agak bertanggung-jawab di dalam perkara memberi barang-barang seperti ini dengan secara percuma, setakat ini Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidaklah ada cadangan bagi pihak kami untuk mengadakan pemberian bekalan susu dengan secara percuma sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Setakat yang kami boleh buat ialah dengan membayarkan subsidi-subsidi sebagaimana yang telah dibuat selama dua bulan yang saya sebutkan tadi ataupun dengan mengecualikan barang ini daripada terkena bayaran cukai apabila barang-barang ataupun bahan-bahan yang digunakan untuk memprosesnya dibawa masuk ke dalam negeri.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$5,000,000 untuk Kepala B. 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 17 dan B. 18 (Jadual)—

4.24 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1974 berjumlah \$104,500—ia-itu \$52,000 di bawah Kepala B. 17 dan \$52,500 lagi di bawah Kepala B. 18 supaya diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Keterangan-keterangan lanjut berkenaannya ada terdapat di dalam Kertas Perintah No. 17 tahun 1974 di muka 10 dan 11.

4.25 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin (Jasin): Tuan Pengerusi, saya bangun turut menyokong atas perbekalan tambahan yang telah diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Berhubung dengan perkara yang perlu bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu menimbang dan menentukan yang pertama sekali berhubung dengan masalah bekalan wang tambahan sebanyak \$52,000

untuk pemberian subsidi dan bagi menggalakkan perkembangan bakat-bakat kebudayaan di Malaysia kita, adalah rasa saya amat tidak mencukupi. Dengan ini, saya mencadangkan supaya perbekalan ini dapat diberi tambahan yang memuaskan ataupun mencukupi di masa akan datang.

Berhubung dengan subsidi pemberian kepada pelatih-pelatih belia yang ada di luar-luar bandar bagi hendak menambahkan mata-mata pelajaran ataupun latihan, sekarang hanya diberi subsidi ataupun pemberian yang agak terlalu rendah iaitu sebanyak \$30.00 sebulan kepada pelajar-pelajar atau pelatih-pelatih yang ingin menambahkan pelajaran dalam masaalah mencari pekerjaan di masa akan datang. Memandangkan pada keadaan ini, saya mengharap supaya subsidi ataupun bayaran kepada belia yang mengambil latihan di kedai-kedai di luar bandar dan juga di dalam bandar supaya dapat ditambah subsidi daripada \$30.00 kepada sekurang-kurangnya \$50.00 sebagai memberikan galakan kepada belia yang ingin mendapatkan latihan kemahiran di lapangan peniagaan di masa akan datang.

Saya suka juga menegaskan iaitu di dalam perkembangan bakat-bakat kebudayaan di Malaysia ini hendaklah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan benar-benar menitik-beratkan pelaksanaan kepada perkembangan bakat-bakat kebudayaan kita di luar bandar iaitu melalui betul-betul daripada bakat-bakat di daerah-daerah di luar bandar supaya diadakan satu latihan dan kursus yang tertentu bagi melaksanakan cita-cita hendak mencapai perkembangan bakat-bakat kebudayaan Malaysia di masa akan datang.

4.27 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, saya juga menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita sama-sama maklum sukan adalah satu permainan yang membawa kebaikan dan pergaulan kepada tiap-tiap negara. Tetapi walau bagaimanapun kita dapati hari ini sukan-sukan yang telah diadakan di negara kita seolah-olah sukan untuk kaum. Saya contohkan: Kalaupun kita kata bola sepak bagi

peringkat bawahan boleh dikatakan pemain-pemain yang banyak bermain bola ialah pemain-pemain Melayu

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat bercakap di bawah Kepala berapa? Sekarang ini kita dalam peringkat Jawatankuasa. Yang Berhormat bercakap berkenaan dengan dasar. Dasar sudah lepas.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas pandangan daripada Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan belanja tambahan Kepala B. 17 dan B. 18 tadi.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$52,000 untuk Kepala B. 17 dan \$52,500 untuk Kepala B. 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 22 (Jadual)—

4.28 ptg.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Pengerusi, saya Mohon mencadangkan supaya perbelanjaan yang tersebut di bawah Kepala B. 22 yang dibentangkan dalam Dewan ini diluluskan.

Masalah dikemuka lagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$3,500,000 untuk Kepala B. 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 23, B. 24, B. 25 dan B. 26 (Jadual)—

Kepala P. 23 dan P. 26 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1974)—

4.29 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa wang sejumlah \$99,883,215 di bawah Kepala B. 23, B. 24, B. 25 dan B. 26 dalam Jadual Tambahan Peruntukan, 1974 dan juga wang sejumlah \$12,000,000 sebagai tambahan kepada Kepala P. 23 dan P. 26 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Bil. 2 tahun 1974 diluluskan.

Keterangan-keterangan lanjut berkenaan dengan tambahan-tambahan yang diminta bagi Kepala-kepala perbelanjaan yang tersebut itu boleh didapati dalam Treasury Memorandum yang telah dibentangkan dalam Dewan ini sebagai kertas Bil. 17 dan 19 tahun 1974.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$668,200 untuk Kepala B. 23, \$44,065,015 untuk Kepala B. 24, \$55,000,000 untuk Kepala B. 25 dan \$150,000 untuk Kepala B. 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$10,000,000 untuk Kepala P. 23 dan \$2,000,000 untuk Kepala P. 26 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1974.

Kepala B. 30 (Jadual)—

Kepala P. 31 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1974)

4.30 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Pengerusi, saya mengemukakan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1974 di bawah Kepala B. 30 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) Tahun 1974 di bawah Kepala P. 31 dan dijadikan sebahagian daripada Jadual dan sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1974.

Tuan Pengerusi, anggaran ini adalah terkandung di dalam Kepala B. 30 berhubung dengan permintaan tambahan sebanyak \$786,000 bagi membeli 32,000 helai punco untuk kegunaan Pasukan Polis. Peruntukan dalam anggaran asal sejumlah \$12,500 tidak mencukupi dan ini telah didahulukan daripada Kumpulanwang Luar Jangka.

Kepala P. 31, Pembangunan, Jabatan Imigresen Sarawak. Tambahan sebanyak \$80,000 bagi kerja-kerja membaiki kerosakan kerja-kerja mencegah runtuh, 3 buah rumah kediaman dan meluaskan ruang pejabat Imigresen di Sarawak dan peruntukan asal sejumlah \$480,000 ialah tidak mencukupi.

Tuan Pengerusi, demikian saya mengesyorkan Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Pembangunan Tambahan bagi

Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi tahun 1974 diluluskan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$786,000 untuk Kepala B. 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$80,000 Kepala P. 31 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1974.

Kepala B. 37 (Jadual)—

4.35 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Penerangan, saya memohon kelulusan wang tambahan sebanyak \$473,012 di bawah Kepala B. 37 iaitu Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1974. Segala detail ada terkandung dalam Treasury Memorandum Kertas Perintah 17/1974.

Saya mohon bahawa jumlah tersebut dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$473,012.00 untuk Kepala B. 37 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 49 (Jadual)—

Kepala P. 44 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1974)

4.36 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Pengerusi, saya ingin meminta kelulusan untuk mendapat \$250,000 bagi Jabatan Percetakan Kepala B. 49 dan \$400,000 di bawah Pembangunan Tambahan Bil. (2) 1974 bagi Majlis Bandaran Seremban, Kepala P. 44 diluluskan.

Keterangan adalah dibentangkan di dalam Kertas Perintah P 17/74 dan saya tidak perlu menjelaskan lagi berkenaannya.

4.37 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Kepala P. 44 mengenai peruntukan yang diminta untuk Kementerian

Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar. Sungguhpun Menteri ada menyatakan Memorandum Perbendaharaan ada memberi butir-butirnya tetapi saya nampak di sini apa yang dicatit ialah "Mengikut perjanjian-perjanjian pinjaman yang telah dilaksanakan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, tambahan sebanyak \$12 juta adalah dikehendaki sebagai pinjaman bagi membiayai beberapa projek perumahan termasuk rancangan-rancangan baru yang telah diluluskan". Saya minta Yang Berhormat Menteri memberi butir-butir yang lebih terang kepada Dewan ini mengenai projek-projek baru itu.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, housing, especially low-cost housing, is the basic crying need of Malaysians from the low income group. I know, for instance, in my constituency of Kota Melaka, and similarly in other constituencies, the problem of low-cost housing has been a long-standing one for many many years, and there is a grave need for special efforts on the part of the authorities concerned and of the Ministry to break the back of the problem of housing shortage in this country. I hope that this provision of a loan of \$12 million will be the beginning of a really nation-wide concerted effort to house the homeless in Malaysia. In view of the fact that the Treasury Memorandum does not provide particulars as to what State or to what areas the new votes that we have been asked to pass refer to, I am unable to get into the specifics of it, but I would like to know from the Honourable Minister whether there is an allocation for Malacca; and if not, I hope the authorities concerned will take note of the very grave need for housing in the State and in the town of Malacca.

4.38 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Pengerusi, saya menyokong usul Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Alam Sekitar dalam Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1974. Apa yang saya hendak tekankan di sini iaitu mengenai dengan perjalanan setengah-setengah Majlis-majlis Tempatan, terutamanya kalau di Johor yang saya ketahui dengan sebab kekurangan kewangan setengah-setengah Majlis Tempatan itu tak dapat menjalankan pentadbiran dengan sempurna.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat bercakap di bawah Kepala berapa, Pembangunan atau Bekalan?

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Kepala P. 44—Majlis Tempatan dan Perumahan. Saya suka mencadangkan di sini supaya kurniaan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Majlis-majlis Tempatan yang saya dapat tahu adalah berdasarkan keadaan kewangan berbelas tahun yang lalu. Keadaan ini tak sesuai dengan keadaan sekarang terutamanya dalam zaman inflasi.

Saya mencadangkan supaya perbelanjaan itu dapatlah ditambah. Dengan cara yang demikian Majlis-majlis Tempatan itu dapatlah menyelenggarakan perjalanan Majlis Tempatan masing-masing dengan lebih sempurna terutamanya dalam membayar gaji pekerja-pekerja dan sebagainya. Dengan cara ini, saya percaya sekiranya dapat cadangan ini diterima oleh Kementerian yang berkenaan seperti yang saya katakan tadi dapatlah Majlis Tempatan menjalankan urusan pentadbirannya dengan lebih cekap lagi.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat ada bertanya berkenaan dengan peruntukan perumahan tetapi dalam pertanyaan ini, pada masa sekarang saya tidak lagi bertanggungjawab berkenaan dengan hal perumahan, jadi payahlah saya menjelaskan kedudukan mengenai soalan yang ditimbulkan itu.

Dalam Kepala P. 44 yang diminta oleh Kementerian saya berkenaan dengan Majlis Perbandaran Seremban ini peruntukan yang diminta kepada Kerajaan Negeri Sembilan untuk membiayai Pasar Baru di Jalan Templer, Seremban daripada jumlah ini peruntukan sebanyak \$400,000 telahpun didahulukan daripada Kumpulanwang Luar Jangka. Kerja-kerja di atas projek ini untuk membina sebuah bangunan pasar dua tingkat telah dimulakan semenjak 23hb September, 1974. 75% dalam kerja piling dan foundation telah dibuat hingga masa ini. Setelah siap pasar baru ini akan menyediakan sebanyak 813 gerai dan ada dikelolakan oleh Majlis Bandaran Seremban. Dewan adalah diminta meluluskan permintaan ini untuk menggantikan pendahuluan tersebut. Jadi mengenai hal perumahan, Kementerian yang bertanggungjawab bolehlah beri butir-butir kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat, saya pun tak berapa sedar apa yang diminta

Tuan Pengerusi: Dia minta timbangkan semula supaya peruntukan wang ditambah kerana mengikut keadaan inflasi katanya.

Datuk Ong Kee Hui: Perkara ini akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$250,000 untuk Kepala B. 49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$12,400,000 untuk Kepala P 44 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1974.

Kepala B. 50 (Jadual)—

Kepala P. 50 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 2) 1974.)

4.45 ptg.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Pengerusi, saya mencadangkan Kepala B. 50 yang dibentangkan dalam Dewan ini diluluskan.

4.46 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithn'n (Jasin): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1974 bagi Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar.

Saya bercakap berhubung dengan Kepala P. 50 berkenaan dengan peruntukan yang telah diberi kepada Instituti Teknologi MARA sebanyak \$2,261,000 untuk hendak melaksanakan dengan pesatnya pembangunan ataupun pelaksanaan Instituti Teknologi MARA yang telah diadakan di Shah Alam. Walau macam manapun saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pelaksanaan yang telah dibuat dan pihak Instituti Teknologi MARA telah dapat menampung sebanyak lebih kurang hampir-hampir 5,000 orang penuntut yang boleh dikatakan hetongpanjang yang beragama Islam.

Dengan adanya Instituti Teknologi MARA yang tersergam di Shah Alam, ini menunjukkan satu kebangsaan bagi pihak Kerajaan

kita melalui Kementerian yang berkenaan. Hanya saya suka mencadangkan disebabkan penuntut-penuntut di sana kebanyakan dari sebilangan besar 99% daripada kalangan mereka beragama Islam, maka dengan ini saya mengharapkan supaya di Instituti Teknologi MARA itu dilengkapi dengan sebuah masjid yang lengkap dengan khutub-khanah bagi pelajar-pelajar dan dengan ini boleh memudahkan kepada penuntut-penuntut Islam yang sedang belajar di sana menunaikan kewajipan sembahyang pada setiap masa. Dengan ini, saya fikir lengkaplah sebuah institusi teknologi di dalam negara kita dan di samping itu juga bila mana sebuah bangunan masjid yang lengkap seperti saya katakan tadi dapatlah penuntut-penuntut Islam supaya dapat di samping mereka membuat amal ibadat, dapat membentuk satu akhlak yang mengikut susunan kehendak-kehendak ugama kita di masa akan datang. Dengan ini, rasa saya pihak Kerajaan dapat mengatasi atas segala perkara-perkara yang telah berlaku oleh penuntut-penuntut ITM itu, dapat diatasi dan sejajar dengan kehendak Kerajaan kita iaitu sebagai akhlak atas asas pembangunan di masa akan datang.

4.48 ptg.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan): *(Dengan izin)* Mr Chairman, Sir, the Instituti Teknologi MARA is serving a good purpose in our nation building, particularly because we are very short of technicians and I.T.M. thus provides the training facilities for our young people who are inclined towards a technical vocation. What is disturbing is that sometimes we hear the news of rather unruly behaviour of some of the students in this Institute. Therefore, it gives me the point to say that maybe it is because the Institute has become too large. I, not being an educationalist, do not know what the exact size the institutes of higher learning as I.T.M. or other universities should be but it always seems to be that whenever an institute becomes too large, then it becomes too difficult to manage whereby you will have people trying to form rival groups, and thus all sorts of undesirable activities begin to appear. So, it seems that

Tuan Pengerusi: The Honourable Member should have raised this point before we sat in Committee because what you say is more on policy. Now we are in Committee dealing with the details.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze: Mr Chairman, Sir, I am trying to suggest that since we are providing money for buildings, whether more money for building more and bigger institutes would make them uncontrollable. I am trying to suggest that for the future maybe we should decentralise and try to have branches of this MARA Institute of Technology in other States. I am suggesting that there might be a case to be made out for, say, Sabah and Sarawak to have certain courses to be provided by the MARA Institute of Technology, so that we can then have a smaller sized institute which could be more easily controlled; in other words, we try to decentralise the Institute.

As I understand it, Mr Chairman, Sir, this Institute provides a lot of practical training and we have, in all the States, Public Works Departments which would be able to provide the practical training which is required for these students and by having this decentralisation I think more young people will be able to benefit by this MARA Institute of Technology.

The point I am emphasising now is that if you have got more buildings put up on the Campus, then those buildings cannot be moved; and so if you want to reduce the size of the institute, you cannot do it because the buildings are already there. I do not grudge the spending of the money that is now provided for, Mr Chairman—I think it must be necessary—but in supporting this Supplementary Supply Bill, I think maybe the Departments concerned should consider the point that I have made, and that is, that buildings should be such that, firstly, it must be spread around in other States; and, secondly, we should not go for concrete and such-like buildings. We had immediately after the War, Mr Chairman, Sir, a lot of schools and colleges in towns housed in attap sheds and yet we produced quite a number of good students and very wellknown personalities in all fields. If we want to save and to use our local produce, I think the time has now come to use more local materials for our buildings so as not only to cut down the cost but also enable our producers and saw-millers to find some markets locally. Here, again, Mr Chairman, Sir, it may seem to go against our technical advisers, like the Public Works Department and others, that we should put up buildings that would last forever, but we now know

sometimes design changes, sometimes the fashion is not there and we have to knock down the building and put up a new one on. So the money is wasted. Now if you put up a wooden building, which might last, say, 30/40 years, that should be sufficient for our purpose and then later we can put a new building again with a different design if it is so desired.

There is also, Mr Chairman, Sir, some suggestion that our rural development programme should be more down-to-earth. There is some suggestion that we should examine carefully as to the products of the institutes whether they could easily be used in the private sector as well as in the public sector. We have a number of graduates, Mr Chairman, Sir, coming from the MARA Institute of Technology, but unfortunately they are not quite well-trained for certain jobs. But when they leave the Institute they feel they are above everybody else and they take on jobs which are not quite fitted for them because they have not been trained for them. Therefore I would suggest, Mr Chairman, Sir, that some aptitude test should be undertaken before these students are taken on to this Institute. Some of them may not be quite technologically orientated and therefore they cannot make the grade and then they start blaming the Government because they cannot make the grade and when they come out they want to become big bosses in certain corporations or companies and then when they find they cannot discharge their duties properly, they become frustrated and at the same time people start to blame the MARA Institute of Technology for this, which of course is not MARA's fault.

I am offering these suggestions in good intention. Maybe that some of the points have been dealt with, but as far as we are concerned in Sarawak and Sabah, this MARA Institute of Technology is something fairly new to us. We send our students to this Institute but at certain costs because of the travel, accommodation, and so on. I am not sure whether this belanjawan pembangunan is all for dormitories or some other buildings that are necessary for the carrying on of the MARA programme, but it would be a great help if we are going to have this decentralisation exercise that I suggested just now.

4.59 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya ada satu dua perkara sahaja, dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I support the supplementary vote of \$2.2 million for the expansion of the MARA Institute of Technology. However, I am of the view that as important as the expansion of the Institiut Teknologi MARA is, it is equally important that the authorities concerned should be responsive to the legitimate aspirations of the students in the country. In this connection, I would urge on the Government not to delay any longer in the consideration and the speedy attention of the request of the students for the raising of specified MARA Diplomas to university level.

I remember that last year or early this year when we were meeting, Parliament House was the centre of a demonstration; and only a few days ago when I was going out, I saw Parliament House being guarded in expectation of further demonstrations. I believe that the authorities concerned should not delay and should accede, where it is legitimate, to the requests for the raising of the relevant MARA Diplomas to University level.

Secondly, there is a crying need in the country for technical manpower and there is therefore a very urgent need in the country for the establishment of more institutes, in particular, for students who are unable to find entry into the MARA Institute of Technology. In this connection I would therefore, urge on the Government to seriously consider the establishment of Institutes of Technology speedily whereby non-Malay students can find a place and help contribute in a very positive manner to the economic development of our country.

5.01 ptg.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan untuk P. 50, setelah mendengar ucapan daripada saudara saya Yang Berhormat dari Padawan, saya rasa saya tidak bersetuju dengan beberapa pendapat-pendapat beliau yang kalau hendak dibina atau dibangunkan tempat-tempat pengajian I.T.M. ataupun Institiut Teknologi

MARA ini di beberapa tempat yang bukan berpusat, umpamanya, di Kuala Lumpur ini. Sebabnya dalam kita mengkaji ataupun dalam kita hendak menjalankan sesuatu hal berkenaan dengan hal bumiputra ini satu perkara yang very touchy, say ingat pihak Kementerian atau pihak Yang Berhormat Menteri sendiri pun, berfikir ini adalah satu masalah yang sangat-sangat rumit, yang patut difikirkan dengan secara mendalam.

Penuntut-penuntut daripada pihak Institiut Teknologi MARA selalu kadang-kadang berfikir "inferiority complex" sedikit terhadap apa yang dibuat atau apa yang dijalankan untuk kemudahan-kemudahan mereka. Mereka selalu membandingkan tempat pengajian mereka itu dengan tempat-tempat pengajian seperti universiti ataupun tempat pengajian tinggi dalam negara kita ini. Kalau sekiranya bangunan-bangunan yang tidak sepertinya dibuat untuk I.T.M. ini, maka tentulah akan mendatangkan satu perasaan kepada penuntut-penuntut yang datang untuk mendapatkan pelajaran menerusi kemudahan yang dibuat dalam Institiut Teknologi MARA ini dan akan melemahkan kemahuan dan cita-cita mereka. Kita mahu perasaan mereka itu biarlah melebihi daripada penuntut-penuntut yang masuk dalam tempat-tempat pengajian yang lebih tinggi daripada I.T.M. umpamanya. Kita mahu memberi inspirasi kepada mereka supaya mereka dapat bersungguh-sungguh belajar dalam jangka pendek yang telah diperuntukan kepada mereka itu.

Saya tidak bersetuju kalau sekiranya bangunan-bangunan tambahan untuk dibuat dalam P. 50 hanya merupakan bangsal-bangsal atap sahaja untuk penuntut-penuntut I.T.M. ini. Ini adalah satu perkara yang sangat-sangat mendukacitakan. Perkara ini boleh mendatangkan keburukan yang banyak kepada Kerajaan kita. Kita semua tahu bagaimana fikiran penuntut-penuntut yang ada dalam I.T.M. hari ini. Apa sahaja yang dibuat, dan kemudahan-kemudahan apa sahaja yang diberikan oleh Kerajaan mereka anggap tidak sebegini sahaja. Saya berharaplah kalau sekiranya apa pembangunan sekalipun yang dibuat untuk I.T.M. ini hendaklah dikaji dengan sepenuh-penuhnya. Biarlah ia diberikan perhatian yang lebih daripada segala-segalanya dan dengan memberikan layanan yang baik ini kepada penuntut-penuntut I.T.M. iaitu penuntut-penuntut Melayu yang datang daripada luar bandar, maka akan

menaikkan semangat mereka kasih kepada tempat yang mereka belajar di pusat pendidikan itu.

5.05 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya turut sama menyokong peruntukan dalam Perbelanjaan Tambahan, 1974, Kepala P. 50, mengenai dengan peruntukan tambahan sebanyak \$2,261,000. Ini adalah dikehendaki untuk membiayai kerja-kerja pembinaan untuk Kompleks Instituti Teknologi MARA di Shah Alam, Selangor.

Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, saya minta izin pada ketikanya hendak menggunakan bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Hendak gunakan bahasa Inggeris juga?

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Ada ketikanya. Kita tahu bahawa pada hari ini MARA telah banyak mengeluarkan jasa, khususnya dalam bidang latihan dari segi pelajaran, tetapi saya sangat sedih ada ketikanya berlaku suatu perkara daripada kehendak-kehendak penuntut yang boleh membimbangkan masyarakat. Saya percaya penuntut-penuntut itu yang berasal kebanyakannya daripada luar bandar apabila mereka masuk ke dalam institut ini fikiran mereka itu adalah fikiran yang bersih dengan tujuan yang baik, tetapi setelah beberapa ketika, setahun, dua tahun mulalah mereka itu seolah-olah dalam keadaan sasau, hendak menentang itu, menentang ini. Seolah-olah mereka itu terasa diri mereka itu tidak dipedulikan oleh pihak yang berkenaan. Saya percaya tentu ada sesuatu yang dikatakan kita takut dalam negara kita ini ada mempunyai orang-orang yang berpangkat B.A. tidak bertaualiah, iaitu batu api, yang suka meracun fikiran anak-anak kita yang masih di dalam

Tuan Pengerusi: Yayasan mana yang mengeluarkan B.A. ini?

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Pengerusi, apa salahnya pihak yang berkenaan iaitu pihak Kerajaan sendiri cuba pula mencari satu jalan iaitu menanam semangat kepada penuntut-penuntut ini supaya dapat menentang segala pengaruh-pengaruh yang boleh meracun fikiran mereka.

5.08 ptg.

Tuan Azhari bin Md. Taib (Kulim Bandar Bahru): Tuan Pengerusi, saya bangun ingin mengambil bahagian dalam masaalah kepala P. 50—Institusi Teknologi MARA.

Saya menyokong penuh pengisytiharan pihak yang berkuasa Instituti Teknologi MARA baharu-baharu ini berkenaan mengadakan kursus-kursus khas berkenaan ugama dan latihan-latihan tentera. Usaha ini harus dilakukan walaupun sedikit terlewat, tetapi patutlah disegerakan supaya disiplin dan didikan rohani harus ditekankan kepada penuntut-penuntut dalam Instituti Teknologi MARA, bukan sahaja di pusat di Shah Alam, tetapi juga di cawangan-cawangan di Negeri Perlis umpamanya, kerana perkembangan yang baharu-baharu ini adalah menimbulkan keraguan tentang kepentingan dan kebaikan mutu para penuntut kita di Instituti Teknologi MARA.

Saya ingin menarik perhatian berkenaan dengan pembangunan Instituti Teknologi MARA cawangan Perlis iaitu bertempat di Kangar. Nampaknya ada lebih daripada 600 orang penuntut lelaki dan perempuan di situ. Walaupun sekarang ini pihak yang berkuasa Instituti Teknologi MARA telah berusaha supaya menempatkan penuntut-penuntut itu pada rumah-rumah sewa, tetapi saya curiga kepada kelambatan penubuhan bangunan-bangunan yang khas untuk mereka itu, ini akan terdedah dari pengaruh-pengaruh luar, terutama penuntut yang berdekatan, terutama di kawasan Kedah dan Perlis, yang mana kita dapat tahu tiap-tiap minggu bebas balik ke rumah ibubapa mereka masing-masing. Makan pula nampaknya dijalankan di bawah kontrek yang mana saya percaya kawalan-kawalan itu tidak begitu ketat jika dibandingkan dengan kawalan-kawalan yang dijalankan di Shah Alam.

Jadi pembangunan Cawangan I.T.M. di Kangar ini haruslah dijalankan seberapa segera yang boleh sebaik-baiknya dibuat satu "crash-programme" mengatasi masaalah ini. Kerana walau macam mana sekalipun kita memberi didikan kepada pemuda-pemuda kita, kalau mereka itu terdedah dengan anasir-anasir luar apa lagi anasir-anasir anti Kerajaan, ini akan membahayakan bukan sahaja kepada kemajuan dan perkembangan Instituti itu sendiri tetapi akan merosakkan tujuan dan dasar kebangsaan kita. Saya berharap peruntukan-peruntukan yang lebih

harus diberikan kepada perkembangan I.T.M. ini bukan sahaja harus diadakan di Cawangan Perlis, tetapi patut juga adakan Cawangan-cawangan di Pantai Timur ataupun di Selatan Persekutuan dan tempat-tempat yang difikirkan menasabah. Kerana kelas-kelas atau kolej-kolej atau Instituti seumpama I.T.M. ini haruslah diadakan di dalam negeri kita ini akan memberi pertolongan yang besar tentang perkembangan dasar ekonomi baru.

5.12 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, saya bercakap dalam peringkat Jawatankuasa ini di bawah P. 50 Majlis Amanah Rakyat di mana peruntukan bagi I.T.M. ini diberi.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju dan menyokong di atas pemberian ini kerana I.T.M. adalah satu institusi yang memang menolong rakyat bumiputra di luar bandar dapat menghantar anak-anak mereka bagi melatih untuk berkecimpung di dalam bidang yang lebih sempurna sesuai dengan kehendak Kerajaan untuk menghadapi di masa hadapan.

Tuan Pengerusi, banyak orang sakit hati mengenai I.T.M. ini, kerana dikatakan bahawa I.T.M. adalah menolong kaum bumiputra sahaja dalam mencapai kemahiran. Tetapi, saya rasa perkara ini biarlah kita lupakan begitu sahaja, bahkan kita anggap bahawa rancangan yang kita jalankan di bawah I.T.M. ini memang baik untuk memajukan anak-anak bumiputra, di masa yang akan datang. Dan peruntukan yang diberi sebanyak ini memang wajar dan saya menyokong kalau hendak ditambah jika perlu pun saya lebih bersetuju lagi.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyebutkan dalam beberapa perkara berthabit dengan I.T.M. ini, iaitu sebagai sebuah Institusi tinggi maka beberapa masaalah memang timbul. Sebab selalunya kejadian-kejadian masaalah ini memang berpunca dari kumpulan-kumpulan manusia muda yang memang ada sahaja perasaan-perasaan tidak puas hati di dalam beberapa perkara. Jadi, Tuan Pengerusi, saya minta kepada pihak yang bertanggung-jawab dalam hal I.T.M. ini hendaklah senantiasa mencari jalan supaya perasaan-perasaan tidak puas hati di kalangan mereka ini dapat diselesaikan dengan cara perundingan, dengan cara perkiraan agar perkara-perkara yang berlalu tidak akan

timbul lagi. Saya mengalu-alukan tentang langkah I.T.M. yang hendak mewajibkan pelajaran Ugama dan Tentera kepada pelajar-pelajar mereka di masa yang akan datang. Kerana ini satu daripada beberpa cara yang boleh melahirkan penuntut-penuntut itu mempunyai disiplin yang baik dan mempunyai tata dan perangai yang berguna buat di masa yang akan datang. Saya rasa, haruslah kita menimbangkan supaya perasaan cinta kepada tanahair, cinta kepada keadaan negara kita yang aman dan bahagia ini, ada disemaikan di dalam jiwa anak-anak muda kita di sana dengan sebab, kalau mereka ada perasaan demikian maka tingkah-laku ataupun tindakan-tindakan mereka untuk sesuatu akan difikirkan juga seimbang dengan kehendak-kehendak negara dan kehendak-kehendak keadaan pimpinan negara kita di masa ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang ingin saya sebutkan berkenaan dengan kedudukan sijil mereka. Banyak saya dengar kedudukan sijil-sijil yang dikeluarkan oleh I.T.M. ini memang diakui oleh pihak kalangan Kerajaan dan juga pihak kalangan swasta. Tetapi ada kelohan-kelohan yang menyatakan bahawa peruntut-penuntut dari I.T.M. kerjanya kurang memuaskan sedangkan gaji yang mahu dibayar untuk mereka mesti sesuai apa yang diputuskan oleh pihak Kerajaan. Ada saya dengar bahawa mereka memikirkan lebih baik dilatih budak-budak yang lebih rendah dengan gaji yang murah dan lepas itu baharu dinaikkan sedikit demi sedikit dan tidak payahlah kita ambil penuntut-penuntut dari I.T.M. yang terpaksa menggaji dengan mahal sedangkan kemahiran di dalam bidang-bidang tertentu tidak begitu banyak. Ini cakap-cakap yang saya dengar dari pihak swasta yang perlu diambil perhatian oleh pihak Kerajaan.

Saya tidak boleh mengatakan bahawa memang benar apa yang dicakapkan oleh mereka, sebab pelajar-pelajar keluaran dari I.T.M. memang sijilnya diakui oleh semua pihak dan mutunya adalah baik mengikut penerangan yang diberi oleh pihak Kerajaan. Cuma yang saya ingin menyarankan supaya yang dikatakan baik, yang dikatakan diterima itu biarlah oleh pihak Kerajaan dan juga oleh pihak swasta. Caranya, dalam masa pelajar-pelajar ini belajar di institut itu, hendaklah ada kerjasama dengan syarikat-syarikat yang besar seperti syarikat dalam bidang motor mekanik, maka hendaklah ada

kerjasama dari pihak I.T.M. dengan pihak syarikat atau company yang menjalankan perusahaan motor. Misalnya, kita reservekan atau kita serahkan penuntut-penuntut ini selama beberapa bulan, 6 bulan misalnya kepada pihak motor car assembly kalau sekiranya pelajar ini mengambil bahagian kenderaan, supaya dengan itu pihak syarikat yang menjalankan perusahaan kenderaan ini tahu bahawa latihan yang diberi oleh I.T.M. itu adalah juga selaras dengan apa yang dijalankan oleh syarikat mereka di tempat mereka menjalankan kerja. Demikian juga di dalam bahagian letrik, misalnya kita mengadakan perkiraan dengan pihak kompeni-kompeni letrik supaya penuntut-penuntut ini ditempatkan di situ seberapa lama yang tertentu samada setahun, 6 bulan atau sebagainya supaya sijil itu memang secara otomatik apakala mereka dapat diakui benar oleh pihak syarikat yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan sedikit, setahu saya di I.T.M. ini tidak ada satu tempat beribadat. Misalnya kalau di Universiti Malaya ada Mesjid Universiti, tetapi di I.T.M. tidak ada. Saya cadangkan supaya dibina sebuah mesjid untuk penuntut-penuntut kita beribadat di sana dengan diberi bimbingan oleh badan-badan yang menjalankan dakwah atau yang mengendalikan hal ini bagi kepentingan anak-anak kita, apatah lagi mereka di I.T.M. itu adalah sebahagian besarnya beragama Islam.

Tuan Pengerusi, saya suka mengesyorkan supaya cawangan-cawangan I.T.M. ini perlu dibuka di Pantai Timur, khasnya di tempat saya iaitu di Trengganu, sebab mereka di sana memang cenderung benar kepada latihan-latihan yang diberi oleh I.T.M. dengan sebab itu banyak mereka memasuki I.T.M. dan berada di Shah Alam. Kalau dapat dibuka di sana satu cawangan, alangkah baik dan saya mengalu-alukan sekiranya hal ini disetujui oleh pihak I.T.M. ataupun oleh pihak Kerajaan.

5.21 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong di atas Anggaran Pembangunan (Tambahan) Kepala P. 50.—Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, oleh sebab wang tambahan ini ialah datang daripada rakyat, maka saya menyerulah kepada pihak berkenaan supaya menyampaikan pesanan ini kepada penuntut-penuntut di I.T.M. iaitu hasrat rakyat supaya mereka ada di sana untuk belajar, untuk mengejar ilmu pengetahuan dan untuk mendapat kelulusan ijazah, dan selepas itu boleh dengan secara itu menyumbangkan tenaga dan kebolehan mereka untuk kepentingan rakyat, bukanlah hasrat rakyat menghantar mereka ini ke tempat pengajian tinggi untuk membuat demonstrasi-demonstrasi untuk membuat tuntutan itu, untuk membuat tuntutan ini, sebab masanya belum tiba dan elok juga supaya mereka sentiasa dipesan supaya ketika mereka ada di situ mereka belum tahu lagi untuk mencari mata pencarian.

Tujuan mereka di situ ialah cuma untuk belajar. Kalau mereka ada hasrat untuk membela bangsa dan negara eloklah tujuan ini disumbangkan selepas mereka lulus daripada tempat pengajian tinggi iaitu di I.T.M. Bukan ketika mereka berada di situ, kadang-kadang saya hairan di manakah mereka ini ada masa untuk berarak atau berdemonstrasi di sana dan di sini. Bilakah mereka ini ada masa untuk menumpukan masa mereka untuk belajar, dan lagi satu perkara yang saya sangat-sangat hairan iaitu penyakit rambut panjang, yang saya tahu rambut panjang ini ialah satu perkara yang diimpot daripada negeri Barat iaitu di negeri sejuk, sebab di sana ada tempat-tempat badan kita yang boleh ditutup kita boleh tutup badan, kita boleh tutup kepala, sebab ada rambut, tetapi leher kita tidak boleh tutup apabila tiba masa sejuk. Itulah sebabnya penuntut-penuntut di luar negeri di negeri Barat menyimpan rambut panjang. Tetapi yang hairan bagaimana mereka ini merasai rambut panjang sehingga ke bahu menjadikan kepala berat dan bagaimana otak mereka tenteram untuk belajar. Jadi, saya minta sangat kepada pihak yang berkenaan supaya perkara ini disampaikan dan jangan terlalu cepat mengubah sikap.

Saya kadang-kadang tengok apabila mereka datang ke tempat saya untuk memberi sokongan kepada permohonan mereka itu, kita sendiri boleh tengok betapa lemah mereka ini, tetapi apabila sudah masuk mereka sudah hendak menjadi pembela bangsa dan negara. Ini pada fikiran saya sikap yang kurang wajar.

Seperkara lagi, percampuran bebas yang berlaku di antara penuntut-penuntut lelaki dan perempuan yang terdapat di kampus-kampus di I.T.M. Pada fikiran saya ini satu perkara yang mungkin pada satu ketika akan menimbulkan satu akibat yang buruk, sudahlah sekarang kita susah hendak membezakan di antara lelaki dengan perempuan, tetapi apabila percampuran pula tidak ada batas, nescaya saya percaya dan yakin akibat buruk akan timbul.

5.27 ptg.

Datuk Peter Lo Su Yin (Gaya): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I rise to support the Bill and I would like to speak on Kepala P. 50 in regard to the MARA Institute of Technology, a subject which is being presently debated and spoken of by other Members here.

We in Sabah, Mr Chairman, Sir, are very happy that the M.I.T. has now a branch campus operating there. This is the first time that Sabah has the privilege of having some sort of tertiary education there, a subject on which I have spoken before in this House when I strongly advocated that there should be more and more provisions for tertiary education in Sabah in view of the fact that we are lagging very much behind in so many ways as compared to Peninsular Malaysia.

As at present, the MARA Institute of Technology in Sabah is functioning on borrowed premises. The Institute has been functioning for some months or rather, if I remember correctly, for a couple of years now, and it is a pity that up to the present, provisions for a permanent building have not been made or carried out. I know that there is a blueprint for the MARA Institute building, but that will take time; and in view of stagflation, presumably that blueprint will be postponed for some time. At any rate, I hope that eventuality will not take place because it is a pity if the building should be held up for reasons of economics. We cannot postpone education for too long. The bumiputras have been neglected in the educational field and if we mean to help them, this is a good opportunity to start and make some sacrifices, however difficult it may be in view of the present trend in world economic affairs.

I therefore strongly appeal to the Government that the construction of the building should be expedited, if anything, rather than postponed, because there is this startling change in Sabah at the moment with the MARA Institute there, and because immediately one can feel the atmosphere, perhaps not so much of a great intellectual one, but it has contributed to that extent considerably. We are very, very happy indeed to see that gradually there is developing a native educated elite which is so necessary if we are to build a strong service base for all Malaysians. I feel, therefore, that not only the MARA Institute should be expanded but the University project there, which is a project of the National University, should similarly be expedited in order that more of our people in Sabah will have the opportunity to learn more, which is their inherent right to do, and which will also contribute to the rapid development of the country in so many ways.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab kemudian nanti.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ditempohkan selama 20 minit untuk berihut.

Persidangan ditempohkan pada pukul 5.32 petang.

Persidangan disambung semula pukul 5.50 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

5.50 ptg.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil peluang ini bercakap menyokong di dalam perkara P. 50 iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar berhubung dengan Belanja tambahan bagi Pembinaan Bangunan I.T.M.

Saya suka lah menyentuh bahawa masalah bangunan I.T.M. ini adalah penting dan patut diberi perhatian istimewa, kerana pada hemat saya bahawa bangunan bagi institusi pelajaran tinggi di negara kita ini adalah bukan sahaja merupakan suatu tempat belajar bagi penuntut-penuntut institusi tersebut, tetapi ia juga merupakan sebagai simbol keagungan bagi institusi yang berkenaan itu.

Bagi saya, I.T.M. adalah merupakan satu institusi yang penting yang memainkan peranan penting di dalam pembangunan negara kita hari ini terutama di dalam mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru di dalam menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara kita ini. Sepatutnya I.T.M. tidaklah dipandang sebagai sebuah sekolah swasta yang Third Class atau Kelas ketiga di dalam negara kita. Sepatutnya setiap golongan memberikan perhatian tinggi terhadap I.T.M. kerana ia adalah merupakan satu institusi yang penting dan utama sama setaraf dengan institusi pengajian tinggi yang lain di negara kita ini.

Peranan yang dimainkan oleh I.T.M. sekarang ini adalah penting bagi mengeluarkan terutama sekali rakyat dari golongan bumiputra di dalam berbagai jurusan seperti pentadbiran, pengurusan, perdagangan dan sebagainya. Ini adalah memberikan pertolongan yang besar di dalam matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai 30% penyertaan bumiputra di dalam segala lapangan. Dengan sebab itu, saya rasa wajarlah Dewan yang mulia ini menyokong dan meluluskan perbelanjaan tambahan itu bagi membina bangunan I.T.M.

Satu perkara lagi, saya suka menyentuh masaalah disiplin di dalam I.T.M. itu. Masaalah disiplin adalah diperkatakan dengan hebatnya sekarang ini terutama sekali kegiatan-kegiatan yang berlaku di I.T.M. itu sendiri pada peringkat akhir-akhir ini.

Ada dua pendapat yang besar tentang disiplin di I.T.M. mengikut yang saya dapati. Ada golongan yang berpendapat bahawa penuntut-penuntut di I.T.M. itu tidak mempunyai disiplin dan mereka dianggap sebagai pengacau dan patut diambil tindakan yang sekeras-kerasnya. Ada golongan lain pula yang berpendapat bahawa pihak Pentadbir, pihak Kerajaan begitu keras dan tidak memperdulikan tuntutan-tuntutan daripada pihak pelajar atau penuntut-penuntut I.T.M. itu sendiri.

Bagi saya kedua-dua pendapat itu adalah merupakan suatu extreme yang merbahaya dan patut diawasi dan dikaji dengan secara cermat. Bagi saya masaalah disiplin di I.T.M. itu adalah merupakan suatu masaalah yang mesti dikaji dari segala sudut dan dari segala aspek terutama sekali dari aspek psikologi.

Jika kita mengkaji dan menghalusi kita tentu dapat faham bahawa penuntut-penuntut di I.T.M. adalah merupakan kalangan mereka yang melintasi zaman peralihan di dalam zaman hidup mereka. Mereka baru sahaja tamat di dalam persekolahan mereka di peringkat sekolah rendah dan menengah, dan mereka memasuki pada zaman remaja. Di dalam zaman peralihan itu, di dalam hidup seseorang manusia sudah tentulah mereka akan melalui perubahan-perubahan di dalam cara hidup dan cara berfikir bagi mereka. Di zaman perubahan seumpama itu apabila mereka menempuh umur dalam tingkat dua-puluhan, banyak perkara-perkara yang baru yang melintasi di dalam hidup seseorang manusia itu. Bagi penuntut-penuntut di I.T.M. sudah tentulah di zaman umur dua-puluhan ini waktu mereka memasuki maktab itu merupakan zaman yang mereka telah keluar atau telah terlepas dari kongkongan yang dikatakan zaman hidup kanak-kanak di mana mereka cuba menjalani zaman hidup sebagai seorang remaja. Di dalam menjalani hidup sebagai seorang remaja, terutama pada peringkat permulaan itu sudah tentulah banyak perkara-perkara yang belum dirasakan terlebih dahulu dirasakan pada peringkat ini. Banyak perkara-perkara yang belum dijumpai sebelumnya dijumpai pada peringkat ini. Dengan sebab itu kita dapati jiwa penuntut-penuntut pada peringkat ini begitu meluap-luap dan begitu berikhtiar mencari jalan untuk mendapat kebebasan. Jadi dengan sebab itu, kita dapati bahawa penuntut-penuntut di I.T.M. itu mengikut pendapat saya, tidaklah patut mereka dikongkong sebagaimana mereka pada peringkat kanak-kanak, iaitu waktu mereka pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

Pada pendapat saya, masaalah disiplin, masaalah yang patut dirundingkan di antara pihak penuntut-penuntut I.T.M. itu dengan pihak pentadbir, pihak Kerajaan. Rundingan-rundingan hendaklah dianggap atau dijalankan sebagai rundingan-rundingan di dalam satu keluarga, iaitu segala tindakan yang diambil samada oleh pihak pelajar-pelajar itu sendiri, penuntut-penuntut itu sendiri atau oleh pihak pentadbir, hendaklah dengan cara atau sifat sebagai keluarga iaitu di antara anak dan bapak. Bukanlah satu-satu tindakan yang diambil sebagai satu tindakan yang berlawanan atau bertentangan seperti di antara majikan dan pekerja-pekerja, dan

antara majikan dan trade union. Pihak pentadbir hendaklah mengikut pendapat saya, Tuan Pengerusi, menganggap bahawa penuntut-penuntut di I.T.M. ini merupakan anak-anak bagi kita sendiri yang patut dilayan dan diberi pertimbangan yang wajar di atas tuntutan mereka serta diberi nasihat-nasihat yang perlu. Begitu juga saya di dalam Dewan yang mulia ini sukalah mengambil peluang menyeru kepada pihak penuntut-penuntut itu sendiri bahawa mereka tidaklah sepatutnya menganggap pihak pentadbir dan pihak Kerajaan sebagai majikan yang sentiasa menindas mereka, tetapi sebaliknya hendaklah mereka sepanjang masa menganggap pihak pentadbiran dan pihak Kerajaan sebagai bapa yang sepanjang masa berikhtiar untuk memberi kebaikan kepada mereka supaya mereka pada masa yang akan datang dapat berkhidmat memberi kebajikan terhadap pembangunan negara, bangsa dan diri mereka sendiri.

Akhir sekali, itulah seruan saya, sebagai mengambil peluang di sini supaya perkara disiplin yang begitu kecoh sekali sekarang ini jika kita lihat di dalam perkembangan-perkembangan yang akhir di I.T.M. ini dan begitu juga di institusi-institusi pelajaran tinggi yang lain, maka ia hendaklah diberi perhatian yang wajar dan dibuat kajian-kajian yang mendalam supaya tindakan yang diambil memberi kebaikan kepada semua pihak yang berkenaan.

6.02 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): *(Dengan izin)* Tuan Pengerusi, I wish to support the additional expenditures to the Kementerian Pembangunan Luar Bandar. I have noted with interest that, for the last few years, the Government has paid a lot of attention to the improvement of technical education in this country, especially considering the aid to MARA. I should say, that MARA has formed the base for the promotion of technical education to Bumiputras and others in this country.

In the grand olden days when anyone in this country wished to have technical qualification, there was not any chance left to him. He had to either go overseas or other places seeking technical education. With the aid of our wise Government, we have established the MARA Institute of Technology; this is the establishment of an

institution to create more opportunities not only to the bumiputras but to every citizen of this country increasing its technical capabilities in a developing nation like ours.

To a country like ours, I think MARA does a lot of service. I wish to appreciate MARA for having set-up such a beautiful institution, especially the MARA Institute of Technology. With all the output from MARA, I think, in time to come, our country will not have any shortage of technical education and I think the amount allowed for it is not that great. Considering the amount we used to spend those days on foreign education, I think this amount is quite little and I wish to support this wholeheartedly.

My point is that, in this country, during the British days you could hardly see a bumiputra technical assistant or a technician, but today we have seen, with the efforts of the MARA Institute of Technology, lots of bumiputras with technical qualifications who are useful to our country. Many thought that the bumiputras were not good for technical education but now, with the establishment of the MARA Institute of Technology, the bumiputras in this country have proved they are good for everything. Especially with these provisions and opportunities given to them, they have taken the opportunities through MARA and they have qualified themselves as technicians. They are engaged in highway building and many other national development projects which is in fact a progress to our country. I think the approval of this amount to the Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa is another stepping stone in our country's progress for more technical education, which is very badly needed.

In considering the Mid-Term Review of our country where a shortage of technical staff and technical know-how had been reported, I think further improvements to the MARA Institute of Technology will give us more opportunity and will give us more manpower to deal with the situation. I thank you, Tuan Pengerusi and I strongly support this Bill for the expenditure.

6.06 ptg.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun bercakap dan

semuanya sekali telah menyatakan sokongannya kepada perbelanjaan tambahan yang dikemukakan oleh Kementerian ini, terutama sekali peruntukan tambahan kepada I.T.M. ataupun Instituti Teknologi MARA.

Sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Jasin mencadangkan diadakan sebuah masjid di Kompleks I.T.M. di Shah Alam supaya penuntut-penuntut dapat beramalibadat atau tegasnya mengadakan Sembahyang Jumaatnya sendiri di situ. Tuan Pengerusi, pihak I.T.M. berpendapat elok sangat sekiranya penuntut-penuntut ini dapat menunaikan Sembahyang Jumaat di masjid-masjid yang ada berdekatan yanguduknya di dalam kampung di kawasan tersebut supaya penuntut-penuntut ini dapat bercampur-gaul dengan penduduk-penduduk kampung. Dengan hal yang demikian, mereka tidaklah terasa terasing daripada masyarakat di luar daripada kampus itu ataupun kompleks tersebut. Ini adalah satu perkara yang penting kerana penuntut-penuntut itu pada satu hari kelak apabila keluar daripada instituti tersebut akan bekerja bersama-sama dengan orang ramai dan mungkin sebahagiannya menjadi pemimpin. Maka dengan sebab itu adalah wajar sekali mereka diberi peluang supaya dapat bercampur-gaul mulai daripada sekarang supaya semangat mereka itu dapat diselarikan dengan cara hidup rakyat yang hendak dipimpinya kelak. Walaupun begitu, jika sekiranya didapati mustahak diadakan juga sebuah masjid di dalam kawasan itu, maka itu bukanlah satu perkara yang sukar untuk ditimbangan dan wangnya boleh diadakan pada bila-bila masa sahaja.

Terlanjur saya bercakap berkenaan dengan mendirikan masjid di I.T.M., saya suka mengulas cadangan rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Dungun mengatakan bahawa dengan adanya masjid, maka dapatlah penuntut-penuntut beramalibadat. Saya tidaklah berapa setuju dengan cadangan beliau itu kerana dalam ajaran Islam tempat berbuat ibadat bukannya mesti di masjid-masjid sahaja, bahkan di dalam classroom mata-mata pelajaran yang dipelajari oleh mereka pun adalah merupakan satu aspek daripada pembangunan ugama Islam. Sembahyang waktu boleh diadakan di bilik-bilik kosong ataupun di dalam bilik-bilik tempat tidur mereka. Islam tidak melarang umatnya beribadat di tempat-tempat yang seperti itu, bukannya mesti di masjid sahaja. Jadi, nyatalah di sini I.T.M.

tidak mengabaikan usaha memandu penuntut-penuntut dari aspek pembangunan rohaniyah iaitu sebagai sendi ugama Islam yang dipelok oleh mereka itu.

Sahabat saya Yang Berhormat dari Padawan mencadangkan supaya I.T.M. mengadakan cabang-cabangnya di seluruh negara, kerana katanya jumlah penuntut-penuntut yang begitu besar duduk di dalam satu kompleks dari segi pelajaran mungkin tidak begitu sihat.

Tuan Pengerusi, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa I.T.M. sudahpun memulau mengembangkan sayapnya dan mendirikan cawangan-cawangannya di beberapa buah negeri dalam Malaysia ini. Saya diberitahu sebuah daripadanya telah didirikan di negeri Sarawak. Dan saya juga suka menyebutkan di sini Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet bagi mengkaji perlaksanaan dasar pelajaran kita, dan dasar pelajaran di I.T.M. juga akan termasuk di dalam kajian Jawatankuasa tersebut, dan saya percaya kelemahan-kelemahannya, jika ada, akan dapat diperbaiki apabila Jawatankuasa ini semasa mengkaji soal I.T.M. kelak.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu juga mecadangkan supaya building yang hendak didirikan itu banyak menggunakan kayu-kayu tempatan. Di sini sukalah saya sebutkan bahawa pelan-pelan bagi bangunan ini telahpun siap dan jika hendak dirombak balik mungkin mengambil masa yang lama dan menghalang kemajuan institusi tersebut. Maka dengan sebab itu mana-mana pelan yang telah siap dibuat itu akan diteruskan binaannya tetapi I.T.M. juga tidak terlepas daripada mengikut dasar Kerajaan supaya mengutamakan kegunaan kayu tempatan apabila hendak menambah buildings yang baharu pada masa akan datang.

Sahabat saya dari Kota Melaka mencadangkan supaya Kerajaan dengan segera menukar taraf I.T.M. seperti yang dituntut oleh penuntut-penuntut institusi tersebut. Saya telah sebutkan tadi bahawa terpujanglah kepada Jawatankuasa Kabinet mengkaji perlaksanaan pelajaran itu membuat kajian menimbang dan merojokkan kembali kepada Kerajaan tentang kedudukan institusi tersebut bagi masa yang akan datang. Saya bersetuju dengan pendapatnya supaya lebih banyak lagi institusi yang seperti itu diadakan dalam negeri kita, kerana negeri lebih banyak

institusi seperti itu lebih banyak penuntut-penuntut yang dikehendaki bekerja dalam kilang-kilang perindustrian dapat dikeluarkan, Kerajaan memang sedar masalaah ini dan telah banyak institusi-institusi seperti ini ditubuhkan semenjak tercapainya kemerdekaan. Kerajaan adalah sedar bahawa penuntut-penuntut yang keluar daripada semua institusi mistilah mendapat pekerjaan setimbang dan setimpal dengan pelajaran yang telah diterimanya itu, dan oleh kerana perindustrian bertambah kembang, maka adalah menjadi tujuan Kerajaan hendak mengeluarkan penuntut-penuntut seperti itu lebih ramai lagi pada masa yang akan datang.

Sahabat saya dari Baling tidak bersetuju yang I.T.M. dipecah-pecahkan mengadakan cawangannya di tempat-tempat lain. Saya telah menjawab tadi bahawa cawangan-cawangan itu telahpun dimulakan, dan ini adalah difikirkan perlu, kerana jika terlampau ramai penuntut dalam satu tempat mungkin kawalannya sukar hendak dijalankan dan ini akan mengurangkan sedikit belanja tambang berulang-alik untuk penuntut-penuntut yang datang dari negeri yang jauh, terutama dari negeri Sabah dan Sarawak.

Sahabat-sahabat saya Yang Berhormat dari Setapak, dari Permatang Pauh dan dari Besut banyak bercakap mengenai disiplin. Wakil dari Permatang Pauh telah menimbulkan soal rambut panjang. Perkara ini sukarlah bagi saya hendak memberi jawapan kerana Ahli Yang Berhormat itu tidak menyebutkan berapa panjangkah rambut yang patut dilarang kepada seseorang itu. Dan mungkin penuntut-penuntut akan menjawab jika sekiranya rambut panjang susah hendak belajar, tidak sihat, bagaimana pula kaum wanita dengan rambut yang lebih panjang. Beliau meminta supaya Menteri-menteri pergi memberi nasihat kepada penuntut-penuntut I.T.M. Saya pula suka mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat itu sendiri pergi berjumpa dengan penuntut-penuntut berbilang dengan mereka, terutama sekali mengenai masalaah rambut panjang ini.

I.T.M. boleh dibukakan pada sepanjang masa untuk lawatan sesiapa jua, dan sesiapa yang ingin hendak berdialog dengan penuntut-penuntut, saya percaya bagi pihak yang berkuasa I.T.M. tidak akan menjadi kebaratan untuk mengaturnya. Beliau juga menyatakan bahawa pada mula-mula penuntut-penuntut masuk mereka itu lemah. Kemudian mereka telah bertukar menjadi cergas

apabila masuk dalam I.T.M. Itu menunjukkan satu kejayaan I.T.M. iaitu mencergaskan penuntut-penuntut yang lemah. Begitu juga soal percampuran lelaki dan perempuan. Yang sebenarnya, perkara ini banyak dijalankan di negeri-negeri lain juga dan penuntut-penuntut yang masuk belajar di sini bukanlah kanak-kanak kecil, tetapi orang-orang yang telah dewasa yang tahu menjaga diri masing-masing dan bagi pihak I.T.M. juga ada mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk membantu mereka supaya kedua-dua belah pihak selamat dalam kompleks tersebut.

Pada masa ini oleh kerana kita hendak mempercepatkan pengeluaran penuntut-penuntut yang ramai, maka terpaksa I.T.M. menyewa rumah-rumah di luar, flat-flat untuk tempat duduk mereka dan dengan adanya kompleks yang baru ini, maka dapatlah disusun tempat duduk penuntut lelaki dan perempuan yang berasingan yang lebih sempurna lagi. Di flats yang ada sekarang ini pun kawalan untuk menjaga keselamatan penuntut-penuntut adalah dijalankan dengan sekuat-kuatnya.

Tuan Pengerusi, wakil dari Gaya mengucapkan terima kasih kepada I.T.M., kepada Kerajaan, dan saya juga bagi pihak Kerajaan mengucapkan terima kasih kepada beliau, kerana memuji langkah Kerajaan yang bijak mengadakan I.T.M. dan cawangannya di negeri Sabah itu, dan Kerajaan berjanji akan menjalankan dengan segera rancangan menubuhkan cawangan I.T.M. di Sabah.

Tuan Pengerusi, inilah kali yang pertama saya mendengar bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang bukan bangsa Melayu yang telah mengambil bahagian bercakap dalam Dewan mengenai perjalanan MARA ataupun I.T.M. di mana mereka semua memberikan sokongan kepada dasar Kerajaan. Ini adalah menunjukkan satu pertanda yang baik bahawa rakyat negeri ini telah mulai sedar tujuan Kerajaan mengadakan MARA dan I.T.M. bukanlah hendak menolong satu bangsa sahaja, tetapi ialah hendak menolong menyelesaikan masalaah negara, masalaah kebangsaan kita.

Ini telahpun selalu sangat disebutkan bahawa perbezaan ekonomi yang ada di antara bangsa-bangsa di negara kita boleh menimbulkan kekacauan seperti yang berlaku pada 13hb Mei, 1969, maka dengan sebab itu kita mestilah berusaha bagi mengatasi masalaah

yang buruk itu dan satu daripadanya ialah mengseimbangkan kedudukan ekonomi di antara semua bangsa dalam negeri ini.

Saya suka mengulangi balik apa yang pernah saya sebutkan bahawa MARA ditubuhkan bukanlah dengan tujuan hendak mengkayakan orang Melayu, tetapi ialah hendak menolong menggalakkan supaya lebih ramai orang Melayu dapat berkecimpung dalam dunia perniagaan dan perusahaan samada orang Melayu akan mendapat kekayaan atau tidak, itu tergantung kepada mereka setelah mereka diberikan latihan, diberikan peluang, diberikan bantuan. Wang-wang yang diberikan kepada orang Melayu bukan diberi dengan percuma. Wang-wang itu adalah dipinjamkan dengan mengenakan interest yang tertentu, jaminan-jaminan yang kukuh seperti tanah, penjamin dan sebagainya dan wang itu dituntut kembali dan saya berasa besar hati mendengarkan bahawa wang-wang yang dipinjamkan kepada orang Melayu itu boleh dikatakan semuanya dipulangkan balik. Kalau ada pun yang tidak dapat membayar balik sudah pasti ada mempunyai sebab-sebab yang tertentu. Dalam commercial bank pun ada juga didapati hutang-hutang lapuk yang tidak dipungut semula. Dalam MARA pun ada juga, tetapi percentagennya sangatlah kecil dan ini sangat membanggakan kita dan dengan hal yang demikian Kerajaan suka hendak memberikan pinjaman yang lebih lagi pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, apabila kedudukan ekonomi orang Melayu telah sama dengan orang yang bukan Melayu maka bantuan-bantuan, pertolongan seperti itu boleh dipanjangkan kepada orang-orang lain. Bahkan pada hari inipun peniaga-peniaga kecil, orang yang bukan Melayu ada mendapat pertolongan daripada Kerajaan iaitu pinjaman wang daripada C.G.C. Hal ini mungkin tidak diketahui oleh ramai orang-orang yang bukan Melayu. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormatlah apabila menemui pengundi-pengundi mereka akan menerangkan perkara ini. Peniaga-peniaga kecil yang bukan Melayu pun boleh meminjam wang daripada agensi Kerajaan yang dinamakan C.G.C. Orang-orang Melayu juga dapat meminjam wang daripada tempat tersebut, tetapi Kerajaan terpaksa mengadakan satu pinjaman khas melalui MARA kerana tanah-tanah kepunyaan orang Melayu yang tidak boleh dijual kepada orang lain yang bukan Melayu itu sukar sekali

hendak dicagarkan kepada commercial banks maka MARA sahaja yang difikirkan boleh menerima cagaran tanah seperti itu maka sebab itulah MARA ditubuhkan, jika tidak tentulah peluang meminjam wang tidak ada langsung kepada orang Melayu dan keadaan perbezaan ekonomi di antara bangsa-bangsa akan menjadi bertambah buruk.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih juga kepada sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput yang telah menyokong dengan sepenuh-penuhnya dasar Kerajaan untuk memberikan bantuan wang yang lebih banyak kepada I.T.M. saya suka memberikan jaminan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan sebenar-benarnya jujur, sebenar-benarnya ikhlas hendak mencetuskan satu bangsa Malaysia yang bersatu dalam tanahair kita ini.

Pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional sedar bahawa masa depan Malaysia bergantung sepenuhnya kepada kerjasama semua bangsa dalam negeri ini. Jika orang China dan India maju, orang Melayu tidak, ini tidak sihat dan sebaliknya jika orang Melayu pula maju, orang China dan India mundur, ini pun mungkin tidak sihat juga. Kita berkehendakkan semua bangsa maju. Apabila tidak ada perbezaan di antara seorang dengan yang lain, daripada satu kaum dengan yang lain maka perasaan cemburu akan dengan sendirinya hapus daripada masyarakat kita dan itulah cita-cita murni Kerajaan Barisan Nasional untuk melahirkan satu negara baharu di negeri kita, dan keputusan pilihanraya yang baharu lalu, di mana menunjukkan Kerajaan ini mendapat sokongan yang kuat daripada semua bangsa, daripada bangsa Melayu, China, India sebahagian daripada orang Iban adalah menunjukkan bahawa mereka sedar dasar Kerajaan satu dasar yang baik dan bukannya seperti pihak Pembangkang DAP yang hanya diwakili oleh satu kaum sahaja di dalam Dewan ini. Dari segi ini pun nyatalah bahawa dasar Kerajaan Barisan Nasional inilah yang sebaik-baiknya. Saya berharap mereka itu akan sedar dan jika sekiranya mereka hendak menjadi puak Pembangkang yang sihat maka mereka itu hendaklah memberikan sokongan kepada dasar Kerajaan yang baik ini.

Tuan Pengerusi, nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak ada langsung menyentuh

satu lagi aspek di dalam perbelanjaan tambahan, iaitu mengenai pemberian baja—bantuan baja kepada petani-petani.

Saya tidaklah hendak bercakap panjang-lebar lagi kerana masa pun suntuk. Di sini saya suka memaklumkan bahawa tujuan Kerajaan memberi bantuan baja, subsidi kepada petani-petani sedang berjalan dengan sempurna dan bantuan seperti itu akan diteruskan lagi pada tahun hadapan. Kalau tidak silap saya \$50 juta akan dikemukakan pada tahun hadapan supaya petani-petani lebih rajin lagi bekerja mengeluarkan hasil makanan, supaya kita dapat mengelakkan daripada berlaku kebuluran seperti yang berlaku di setengah-setengah negeri lain yang buruk sedang berlaku pada masa ini.

Tuan Pengerusi, tidak ada apa-apa kesulitan yang ditempuhi oleh Kementerian ini dalam usaha membahagikan baja-baja tersebut dan di samping mengeluarkan hasil tani yang banyak maka petani-petani juga dapat menambahkan hasil pencarian mereka dengan lebih baik lagi. Inilah sahaja ucapan saya. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya mengemukakan usul ini supaya diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,150,000 untuk Kepala P. 50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$2,261,000 untuk

Kepala P. 50 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pebangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1974.

Kepala B. 59 (Jadual)—

6.29 ptg.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Pengerusi, saya ingin memohon kelulusan peruntukan tambahan bagi Kementerian saya di bawah kepala B. 59. Penerangan lanjut mengenai dengan peruntukan tambahan ini ada dinyatakan dalam Treasury Memorandum, Kertas Perintah 17 tahun 1974, Kepala B. 59 dan saya tidaklah berhajat hendak menghuraikan lagi penerangan dengan lebih lanjut.

Saya mohon supaya peruntukan tambahan ini diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$60,000 untuk Kepala B. 59 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.